
PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU PERTAMA 2006

TINJAUAN KESELURUHAN

Aktiviti ekonomi mapan pada suku pertama

Momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia berterusan dengan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) benar meningkat 5.3% pada suku pertama 2006 (S4 2005: 5.2%). Aktiviti ekonomi terus dipacu oleh sektor swasta. Sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan. Ia juga disokong seterusnya oleh prestasi sektor pertanian yang kukuh.

Pertumbuhan KDNK mapan pada S1 2006



Pertumbuhan nilai ditambah sektor perkilangan terus meningkat untuk berkembang 8% (S4 2005: 7.9%), sejajar dengan pemulihan dalam kitaran separa konduktor global. Prestasi kukuh ini didorong terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam industri keluaran elektronik dan elektrik (E&E) (16.7%; S4 2005:10.5%), dengan kesemua kategori utama produk mencatat pertumbuhan. Segmen komputer khususnya, meraih manfaat daripada minat membeli yang kukuh hasil daripada harga yang lebih rendah serta permintaan terhadap komputer riba yang meningkat berikutan peningkatan kepopularan sistem tanpa wayar. Pertumbuhan nilai ditambah sektor perkilangan diperkukuh lagi oleh pengembangan industri tekstil, pakaian dan kasut yang lebih mantap (10.5%; S4 2005: 10.3%). Pengeluaran industri keluaran kimia dan petroleum juga mengembang, meskipun pada kadar yang lebih sederhana (masing-masing 4.4% dan 8.9%) disebabkan permintaan luar negeri yang lebih perlahan terhadap bahan plastik pengantara dan pengeluaran gas asli yang lebih rendah.

Sektor perkhidmatan terus berkembang 5.2%, disokong oleh aktiviti berkaitan perdagangan, penggunaan dan pelancongan. Yang ketara, sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan; dan perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran terus menunjukkan prestasi yang menggalakkan. Pertumbuhan sektor pertanian kukuh dengan ketara kepada 7.3%, didorong oleh keluaran getah, koko, ikan, padi, buah-buahan dan sayur-sayuran yang lebih tinggi, yang lebih daripada mengimbangi aktiviti subsektor minyak sawit mentah yang lebih rendah. Sementara itu, sektor pembinaan dan perlombongan terus merosot. Sektor pembinaan terjejas akibat aktiviti kejuruteraan awam yang lemah dan sedikit penyederhanaan dalam permintaan terhadap harta kediaman. Kemerosotan dalam sektor perlombongan berpunca daripada pengeluaran minyak mentah termasuk kondensat yang lebih rendah (-2.2%; 724,166 tong sehari) dan gas asli (-5.9%; 5,974 juta kaki padu standard sehari).

Permintaan dalam negeri berterusan kukuh dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 7.6%. Pembentukan modal tetap kasar terus bertambah kukuh dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 11.4%. Yang penting

ialah peningkatan itu disokong terutamanya oleh aktiviti pelaburan swasta. Perusahaan-perusahaan perniagaan meningkatkan dan mengembangkan kapasiti produktif mereka, dan membuat pelaburan baru dalam aktiviti hiliran kerana didorong oleh prospek perniagaan yang lebih baik dan penggunaan kapasiti yang terus tinggi. Penunjuk pelaburan menyokong corak pelaburan yang kukuh. Import barangan modal dan jualan kenderaan perdagangan mencatat pertumbuhan dua angka yang kukuh. Pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan kepada sektor perniagaan juga mapan. Walaupun perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan lebih rendah, pelaburan awam terus tertumpu pada projek asas seperti pembangunan pertanian dan luar bandar, utiliti awam, pendidikan dan perkhidmatan kesihatan.

Pembelian kereta penumpang yang baru, iaitu komponen penting dalam permintaan penggunaan, mencatat kemerosotan pada suku pertama memandangkan pengguna menangguhkan pembelian kerana menunggu pengumuman Dasar Automotif Negara. Pada penghujung bulan Februari, pengguna juga terjejas oleh kenaikan harga runcit bahan api dan gas. Meskipun wujudnya perkembangan ini, perbelanjaan penggunaan swasta tetap kukuh dengan peningkatan sebanyak 7.5% pada suku pertama. Penunjuk penggunaan utama lain, seperti import barangan penggunaan dan perbelanjaan kad kredit mencatat pertumbuhan yang kukuh. Walaupun diselaraskan, keadaan pembiayaan terus menyokong seperti yang ditunjukkan oleh pertumbuhan yang berterusan bagi pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan bagi tujuan penggunaan. Tingkat penggunaan awam berterusan dengan pertumbuhan sebanyak 0.1%, mencerminkan perbelanjaan yang lebih tinggi atas emolumen dan pertahanan. Kedudukan fiskal keseluruhan mencatat lebihan sebanyak 3.8% daripada KDNK (S1 2005: +2.3% daripada KDNK) memandangkan pungutan hasil yang lebih kukuh adalah lebih daripada mengimbangi peningkatan jumlah perbelanjaan.

Kadar tahunan inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada purata 3.7% pada S1 2006 (S4 2005: 3.4%). Ini terutamanya mencerminkan kenaikan harga runcit bahan api sebanyak 18% pada 28 Februari 2006, yang menyebabkan pelarasan menaik dalam kadar inflasi pada bulan Mac kepada 4.8%. Keadaan pasaran buruh terus kukuh dengan kekosongan jawatan kekal tinggi, serta pemberhentian pekerja dan bilangan pencari kerja yang belum ditempatkan menurun lagi.

Bagi sektor luar negeri, lebihan perdagangan berkurang kepada RM25.8 bilion (S4 2005: RM28.6 bilion) dengan pertumbuhan import kasar (13.7%) lebih tinggi berbanding dengan eksport kasar (11.5%). Pertumbuhan eksport kasar didorong terutamanya oleh pertumbuhan eksport komoditi yang kukuh khususnya galian, dan pengembangan dua angka yang berterusan dalam eksport perkilangan (10.6%). Eksport perkilangan dipacu oleh keluaran berasaskan sumber dan kelengkapan pengangkutan. Secara keseluruhan, walaupun penghantaran komputer dan keluaran berkaitan komputer memberangsangkan, pertumbuhan eksport keluaran E&E adalah lebih sederhana pada 8.4% (S4 2005: 14.7%) disebabkan pertumbuhan eksport perkakas elektrik yang lebih perlahan. Pertumbuhan perolehan eksport E&E yang sederhana pada suku pertama disebabkan sebahagiannya oleh harga beberapa keluaran yang lebih rendah akibat persaingan yang sengit.

Perolehan daripada eksport galian meningkat dengan nyata sebanyak 24% disebabkan kenaikan harga tenaga yang kukuh. Harga eksport bagi minyak mentah dari Malaysia pada suku pertama berpurata pada USD65.32 setong dan gas asli cecair pula meningkat 19.6% kepada purata RM1,041 setan. Sementara itu, eksport pertanian meningkat lagi sebanyak 5%, disokong terutamanya oleh peningkatan yang ketara dalam eksport getah (48%). Peningkatan eksport getah yang kukuh dihasilkan oleh kenaikan dalam harga (43.7%). Harga getah asli lebih tinggi disebabkan permintaan global

yang kukuh daripada sektor automotif, penggantian kepada getah asli daripada getah sintetik yang lebih mahal yang diperbuat daripada petrokimia, dan pengurangan stok getah global. Walaupun jumlah eksport minyak sawit meningkat (3.5%), perolehan daripadanya merosot sedikit (-1.3%) disebabkan keseluruhannya oleh harga yang lebih rendah berbanding dengan tempoh yang sama tahun 2005. Namun begitu, harga eksport minyak sawit terus menarik pada RM1,420 setan.

Import kasar lebih kukuh mencerminkan aktiviti pelaburan swasta yang lebih kukuh, perbelanjaan pengguna dalam negeri serta pengembangan input bagi eksport perkilangan yang berterusan. Import barangan modal berkembang pada kadar yang nyata tinggi sebanyak 28.8%. Permintaan luaran yang kukuh terhadap eksport komoditi dan peningkatan perjalanan antara rantau menyebabkan peningkatan dalam penghantaran kapal, pesawat udara dan keretapi. Import barangan modal tidak termasuk barangan *lumpy* ini meningkat 12.3%. Seperti yang ditunjukkan oleh import jentera untuk perkilangan, alat logam, kelengkapan pejabat dan alat penjana, turbin dan motor elektrik, pertumbuhan import adalah untuk pengembangan kapasiti dan peningkatan teknologi dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Peningkatan aktiviti cari gali dan pembangunan dalam industri minyak dan gas huluan juga mendorong peningkatan import kelengkapan pembinaan dan perlombongan. Import barangan pengantara, khususnya input bagi keluaran E&E juga berkembang pada kadar yang lebih kukuh sebanyak 8%. Import barangan penggunaan juga meningkat 14.1%, mencerminkan permintaan terhadap makanan dan minuman yang lebih tinggi untuk musim perayaan pada suku pertama.

Dalam akaun kewangan, pelaburan langsung asing (FDI) yang dikumpulkan melalui sistem Imbangan Pembayaran berdasarkan Tunai Bank Negara Malaysia, mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM0.9 bilion. Aliran masuk ini adalah menyeluruh dan disalurkan terutamanya kepada sektor perkhidmatan, perkilangan dan minyak dan gas. Perlu diambil perhatian bahawa data FDI ini hanya mengambil kira aliran kewangan yang baru dan ia tidak termasuk perolehan tertahan yang dilabur semula di Malaysia dan pelaburan dalam bentuk jentera dan peralatan yang diimport. Terdapat juga aliran masuk bersih pelaburan portfolio sebanyak RM3.9 bilion. Bagi pelaburan luar negeri, terdapat aliran keluar bersih sebanyak RM1.8 bilion.

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM271.6 bilion (USD73.7 bilion) pada 31 Mac 2006. Pada 15 Mei 2006, rizab yang berjumlah RM289.5 bilion (USD78.6 bilion) adalah memadai untuk membiayai 8.2 bulan import tertangguh dan ialah 6.6 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar monetari terus menyokong aktiviti ekonomi

Pada suku pertama 2006, penunjuk ekonomi terus menjurus ke arah pertumbuhan ekonomi yang mapan, disokong oleh permintaan sektor swasta yang mapan dan pertumbuhan ekonomi yang kukuh di peringkat global dan serantau. Walau bagaimanapun, kadar inflasi dijangka pada paras yang tinggi untuk beberapa waktu. Oleh itu, untuk menjajarkan kadar faedah mengikut keadaan ekonomi semasa, Kadar Dasar Semalaman (OPR) dinaikkan 25 mata asas kepada 3.25% pada 22 Februari 2006 dan OPR dinaikkan sebanyak 25 mata asas lagi kepada 3.50% pada 26 April 2006. Meskipun dengan dua peningkatan ini, kadar faedah terus berada di bawah paras neutral dan dengan itu, dasar monetari terus menyokong aktiviti ekonomi.

Purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat 2.98% - 3.25% pada suku pertama 2006 (S4 2005: 2.69% - 3.01%). Berikutan kenaikan OPR pada 26 April 2006, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat 3.46% - 3.50% pada tempoh 27 April hingga 26 Mei 2006. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga meningkat. Dari segi kadar faedah runcit, kadar pinjaman asas (BLR) purata bank

perdagangan meningkat kepada 6.72% pada 15 Mei 2006 (S4 2005: 6.20%). Kadar disebut purata bagi deposit tetap bank perdagangan untuk tempoh matang 1 bulan ke 12 bulan juga meningkat kepada kadar antara 3.11% hingga 3.73% (S4 2005: 3.01% hingga 3.70%). Khususnya, kenaikan kadar ini jelas bagi tempoh matang 6 bulan dan 9 bulan, yang meningkat masing-masing kepada 3.31% dan 3.43% (S4 2005: masing-masing 3.04% dan 3.08%).

Pertumbuhan pembiayaan sektor swasta berterusan pada suku pertama 2006, dengan pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan 9.1% (S4 2005: 9.3%). Aktiviti pemberian pinjaman bank terus kukuh, dengan jumlah pinjaman terkumpul meningkat pada kadar tahunan 8.4% pada akhir suku pertama (S4 2005: 8.6%), didorong terutamanya oleh pinjaman sektor isi rumah yang meningkat pada kadar tahunan 14.5% (S4 2005: 15.1%). Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan juga terus berkembang pada kadar tahunan 2.7% (S4 2005: 3%).

Dana bersih yang diperoleh sektor awam dan swasta melalui pasaran modal berjumlah RM8 bilion pada suku pertama 2006 (S4 2005: RM12.6 bilion). Pada asas kasar, sejumlah RM10.6 bilion (S4 2005: RM15.2 bilion) diperoleh melalui pasaran PDS oleh 25 syarikat, terutamanya syarikat daripada sektor pembinaan dan perkhidmatan. Kebanyakan dana yang diperoleh (78.2%) adalah untuk pembiayaan aktiviti baru.

Wang secara kecil atau M1 berkembang pada kadar tahunan 5.7% pada akhir suku pertama (S4 2005: 8.5%), sementara wang secara luas atau M3 meningkat 6.2% (S4 2005: 8%). Kadar pertumbuhan M3 yang lebih sederhana mencerminkan terutamanya kadar kenaikan yang lebih perlahan dalam operasi luaran bersih.

Pada suku pertama 2006, ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama. Ringgit kukuh berbanding dengan dolar AS dalam keadaan prestasi perdagangan dan akaun modal yang teguh, aliran modal baru dan prospek ekonomi yang lebih cerah. Walau bagaimanapun, ringgit menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau dalam julat 0.3% - 5.4%, manakala menambah nilai sebanyak 1.9% berbanding dengan renminbi China. Pada tempoh 1 April – 29 Mei 2006, ringgit terus kukuh berbanding dengan dolar AS. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai dalam julat 1.5% - 4.8% berbanding dengan peso Filipina, rupiah Indonesia dan renminbi China, manakala ringgit menyusut nilai dalam julat 0.2% - 1.4% berbanding dengan won Korea, dolar Singapura dan baht Thailand.

Sistem perbankan berterusan kukuh

Sistem perbankan berterusan kukuh pada suku pertama 2006. Nisbah modal wajaran risiko (RWCR) ialah 13.1% pada akhir Mac 2006. Keuntungan sebelum cukai pada suku itu berjumlah RM3.2 bilion. Prestasi kukuh ini disebabkan pendapatan faedah bersih dan pendapatan berasaskan fi yang lebih tinggi serta keuntungan bersih yang lebih tinggi daripada aktiviti urus niaga.

Kualiti aset sistem perbankan terus meningkat terutamanya dengan pinjaman bertukar kepada status berbayar, kutipan balik pinjaman yang bertambah baik dan juga disebabkan hapus kira. Dengan penurunan pinjaman tidak berbayar (NPL), nisbah NPL bersih menurun kepada 4.5% berdasarkan klasifikasi 6 bulan dan 5.7% berdasarkan klasifikasi 3 bulan, iaitu paras terendah sejak krisis kewangan Asia.

Prospek jangka masa terdekat terus positif

Pertumbuhan ekonomi global yang kukuh dan menyeluruh pada suku pertama nyata menyerlahkan daya tahan ekonomi global yang bertambah baik meskipun berhadapan dengan harga minyak yang berterusan tinggi dan penyelarasan keadaan kewangan. Ekonomi Amerika Syarikat berkembang pada kadar terpantas dalam masa 2½ tahun sebanyak 5.3% pada suku pertama, hasil

daripada aktiviti perbelanjaan dan pelaburan yang kukuh. Di Jepun, penunjuk ekonomi terus mencerminkan terutamanya pemulihan ekonomi yang stabil. Kaji Selidik Tankan menunjukkan bahawa prospek keadaan perniagaan, terutama bagi firma besar, kekal menggalakkan bagi separuh pertama tahun 2006, berikutan pertumbuhan dalam perbelanjaan modal dan guna tenaga. Di kawasan euro, pertumbuhan ekonomi bertambah kukuh kepada 2%. Pertumbuhan suku pertama di Jerman berkembang pada kadar tahunan 1.4% disokong oleh peningkatan dalam permintaan dalam negeri, khususnya dalam perbelanjaan pelaburan tetap dan perbelanjaan penggunaan akhir sektor isi rumah. Di UK, anggaran mengunjurkan bahawa ekonomi berkembang 2.2% pada suku pertama, disokong oleh pengembangan pengeluaran perkilangan dan sektor perkhidmatan. Begitu juga, pertumbuhan di rantau Asia berterusan kukuh disokong oleh peningkatan permintaan terhadap barangan elektrik dan elektronik yang telah mendorong kepada prestasi eksport yang teguh.

Prospek ekonomi global bagi tempoh selebihnya tahun 2006 dijangka terus positif. Ekonomi global kekal dalam kedudukan yang berupaya menyerap harga minyak yang tinggi. Unjuran oleh International Energy Agency mengenai permintaan terhadap minyak pada tahun 2006, iaitu faktor yang mendorong kenaikan harga, juga telah diturunkan kerana harga yang hampir mencecah paras tertinggi telah menyederhanakan sedikit permintaan. Dalam persekitaran luaran yang menggalakkan ini, pertumbuhan eksport Malaysia dijangka berterusan pada kadar dua angka pada tahun 2006, didorong oleh permintaan global terhadap separa konduktor serta perolehan eksport komoditi yang lebih tinggi. Permintaan dalam negeri juga dijangka berterusan. Peruntukan yang meningkat untuk perbelanjaan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan pembiayaan tambahan di bawah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) juga dijangka menjadikan sektor pembinaan bertambah baik apabila projek baru dan pelbagai projek infrastruktur dan utiliti PFI dimulakan.

Penunjuk masa hadapan aktiviti ekonomi dalam negeri juga menjurus kepada pengembangan ekonomi yang mapan. Yang penting ialah optimisme komuniti perniagaan yang dijangka mempercepat pertumbuhan pelaburan swasta. Indeks Keyakinan Perniagaan MIER meningkat 2 mata kepada 102.5 mata pada suku pertama. Selain itu, indeks pelopor Jabatan Perangkaan Malaysia juga mencatat pertumbuhan yang menggalakkan, meskipun terdapat kenaikan harga minyak global. Kadar pertumbuhan Indeks Pelopor diselaraskan 6 bulan yang terkini pada 3.7%, memperlihatkan bahawa pertumbuhan ekonomi akan berterusan pada tempoh selebihnya tahun 2006.

KEADAAN EKONOMI ANTARABANGSA

Prestasi pertumbuhan ekonomi global yang kukuh

Pertumbuhan ekonomi global bertambah kukuh pada suku pertama. Ekonomi Amerika Syarikat (AS) meningkat dengan lebih nyata berbanding dengan kadar pertumbuhan yang sederhana pada suku keempat 2005. Di samping itu, pertumbuhan di rantau Asia kekal kukuh, disokong oleh kitaran menaik elektronik dan pertumbuhan yang lebih mantap di RR China.

Pertumbuhan ekonomi **AS** pada 5.3% pada suku pertama merupakan pertumbuhan pada kadar terpantas dalam tempoh 2½ tahun, dan pengembangannya adalah menyeluruh. Penggunaan adalah teguh, disokong oleh pertumbuhan pekerjaan yang kukuh. Namun begitu, pasaran perumahan di AS terus perlahan kerana jualan rumah merosot manakala bilangan rumah untuk jualan mencecah rekod tertinggi baru. Perbelanjaan kerajaan meningkat berikutan perbelanjaan atas usaha pembinaan semula sesudah taufan melanda Teluk Mexico pada tahun 2005 sementara pelaburan perniagaan didorong terutamanya oleh perbelanjaan atas peralatan dan perisian. Di **Jepun**, penunjuk ekonomi terus mencerminkan terutamanya pemulihan ekonomi yang stabil. Kaji Selidik Tankan menunjukkan bahawa prospek keadaan perniagaan, terutamanya bagi firma besar, kekal menggalakkan bagi separuh tahun pertama 2006, berikutan pertumbuhan dalam perbelanjaan modal dan guna tenaga. Di **kawasan euro**, aktiviti ekonomi berkembang 2%. Jerman**,** yang merupakan ekonomi terbesar di rantau itu meningkat 1.4% pada suku pertama berikutan permintaan dalam negeri yang lebih tinggi. Ini diterajui terutamanya oleh perbelanjaan modal tetap yang lebih tinggi dan perbelanjaan penggunaan isi rumah yang meningkat. Itali juga mencatat pertumbuhan yang lebih baik pada suku pertama, dengan mengembang 1.5% hasil daripada pengeluaran perindustrian yang lebih tinggi. Sementara itu, aktiviti ekonomi di **UK** berkembang 2.2% pada suku pertama dan disokong terutamanya oleh pengembangan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. **Dasar monetari** global terus menjurus kepada pengetatan. **Federal Reserve Board (Fed) AS** terus menaikkan kadar faedah sebanyak 25 mata asas pada bulan Januari, Mac, April dan Mei, menjadikan kadar Fed Fund meningkat kepada 5%. Pernyataan terkini menunjukkan bahawa beberapa lagi pengukuhan dasar akan diteruskan untuk menangani risiko inflasi tetapi ia menekankan bahawa tindakan pada masa depan bergantung pada perkembangan prospek ekonomi. **Bank of Japan** memansuhkan rangka kerja pelonggaran secara kuantitatif pada 9 Mac 2006 dan kini mensasarkan kadar faedah semalaman. Sementara itu, pada bulan Mac, **European Central Bank (ECB)** menaikkan kadar pembiayaan semula utama sebanyak 25 mata asas, menjadikan kadar utamanya meningkat kepada 2.50%.

Negara-negara Perindustrian: Pertumbuhan KDNK Benar

	2005			2006	
	S1	S4	Tahun	S1[p]	**Faktor penyumbang utama kepada pertumbuhan S1**
	Perubahan Tahunan (%)				
AS[1]	3.8	1.7	3.5	5.3	Pengembangan yang menyeluruh, disokong oleh perbelanjaan dan pelaburan perniagaan yang kukuh.
UK	1.9	1.8	1.8	2.2	Disokong oleh pertumbuhan pengeluaran perindustrian, terutamanya sektor perkilangan.
Kawasan euro	1.2	1.8	1.4	2.0	Pertumbuhan disokong oleh perbelanjaan domestik yang lebih tinggi di Jerman dan pertumbuhan yang lebih baik di Itali.
Jepun[1]	5.9	4.3	2.6	1.9	Disokong oleh permintaan domestik yang kukuh, iaitu perbelanjaan modal dan penggunaan swasta.

[1] Berasaskan kadar tahunan (*annualised*)
[p] Awalan
Sumber: Pihak berkuasa negara

Harga minyak mentah global meningkat menjelang akhir suku pertama dan ditutup pada USD67.30 setong pada 30 Mac, iaitu paras tertinggi selama dua bulan dalam suasana kebimbangan mengenai bekalan di Nigeria serta potensi gangguan bekalan di Iran dan Iraq, dan ancaman mogok oleh pekerja dalam sektor tenaga di Eropah (Perancis dan Norway). Harga minyak mencatat paras tertinggi baru pada bulan April, mencecah USD75.35 setong pada 21 April selepas kerajaan AS melaporkan penurunan inventori gasolin yang melebihi jangkaan. Sehingga kini, lonjakan kos minyak masih belum memperlahankan pertumbuhan permintaan terhadap minyak dan pertumbuhan global.

Di **rantau Asia**, aktiviti ekonomi kekal pesat dengan pertumbuhan di RR China, Singapura dan Korea terus bertambah kukuh pada suku pertama. Sementara itu, permintaan terhadap barangan elektrik dan elektronik yang terus meningkat menyumbang kepada prestasi eksport yang kukuh. Walau bagaimanapun, import minyak yang tinggi mengakibatkan lebihan perdagangan yang lebih rendah di beberapa negara serantau.

Trend inflasi di rantau itu bercampur-campur. Di Thailand dan Indonesia, inflasi menurun sedikit berbanding dengan S4 2005 berikutan harga makanan yang sederhana. Walau bagaimanapun, inflasi di Hong Kong, Singapura dan Filipina meningkat disebabkan terutamanya oleh sewa rumah dan utiliti yang tinggi dan pasaran pekerja yang lebih ketat. Untuk membendung jangkaan inflasi dan mengehadkan kesan inflasi pusingan kedua, Korea, Thailand dan India telah menaikkan kadar faedah. Pada 27 April, RR China juga menaikkan kadar pinjaman satu tahunnya sebanyak 27 mata asas kepada 5.85% (kenaikan pertama sejak bulan Oktober 2004), bertujuan memperlahankan pertumbuhan kredit dan pelaburan yang kukuh.

Dalam **pasaran pertukaran mata wang asing**, dolar AS menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang pada suku pertama. Antara mata wang utama, dolar AS menyusut nilai berbanding dengan euro dan sterling. Euro mendapat manfaat daripada kenaikan kadar ECB dan jangkaan pasaran bahawa beberapa bank pusat akan mempelbagaikan rizab. Sementara itu, mata wang serantau menambah nilai, disokong oleh aliran masuk yang berterusan daripada luar negeri dan optimisme terhadap pertumbuhan ekonomi. Rupiah Indonesia mencatat penambahan nilai tertinggi disebabkan oleh keyakinan pelabur yang bertambah terhadap ekonomi dan minat di kalangan pelabur asing terhadap bon berhasil tinggi Indonesia.

Melangkah ke hadapan, tahap pengembangan ekonomi global dijangka mapan. Walau bagaimanapun, masih terdapat risiko pada pertumbuhan, terutamanya kesan daripada harga minyak dan komoditi yang lebih tinggi.

Negara-negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2005			2006	Faktor penyumbang utama kepada pertumbuhan S1
	S1	S4	Tahun	S1	
	Perubahan tahunan (%)				
RR China	9.9	9.9	9.9	10.3	Diterajui oleh pertumbuhan yang pesat dalam pelaburan.
Singapura	3.4	8.7	6.4	10.6	Disokong oleh pengembangan yang kukuh sektor perkilangan dan perkhidmatan.
Hong Kong	6.0	7.5	7.3	8.2	Diterajui oleh eksport, perbelanjaan pengguna dan pelaburan dalam jentera dan kelengkapan.
Korea	2.7	5.3	4.0	6.2[a]	Disokong oleh kekukuhan dalam sektor eksport dan perbelanjaan pengguna.
C Taipei	2.5	6.4	4.1	4.9	Disokong oleh eksport elektronik dan sektor perkilangan.
Indonesia	6.1	4.9	5.6	4.6	Disokong oleh sektor perkhidmatan dan perlombongan.

[a]Anggaran awal
Sumber: Pihak berkuasa negara

PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Pertumbuhan mapan, dipacu oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan

Pada suku pertama 2006, ekonomi Malaysia berkembang 5.3% (S4 2005: 5.2%) dengan pertumbuhan terus dipacu oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan. Sektor perkilangan mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh, terutamanya hasil daripada trend yang meningkat dalam kitaran separa konduktor global, sementara pertumbuhan sektor perkhidmatan kekal kukuh, disokong oleh aktiviti berkaitan perdagangan, penggunaan dan pelancongan. Sementara itu, sektor komoditi utama mencatat prestasi bercampur-campur. Sektor pertanian mencatat pengembangan yang kukuh disebabkan prestasi kebanyakan subsektor yang lebih baik, seterusnya lebih daripada mengimbangi penurunan pengeluaran minyak sawit mentah. Sebaliknya, aktiviti sektor perlombongan merosot disebabkan pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih rendah.

KDNK Suku Tahunan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga 1987

	2005			2006
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Pertanian	6.1	-1.5	2.5	7.3
Perlombongan	3.4	-2.0	0.8	-3.5
Perkilangan	5.7	7.9	5.1	8.0
Pembinaan	-2.4	-0.6	-1.6	-1.8
Perkhidmatan	6.8	5.9	6.5	5.2
KDNK benar (Perubahan Tahunan)	**6.1**	**5.2**	**5.2**	**5.3**
KDNK benar (Perubahan Berbanding Suku Sebelumnya)	**-2.9**	**1.8**	**5.2**	**-2.8**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkilangan terus meningkat


Trend pertumbuhan nilai ditambah **sektor perkilangan** yang meningkat berterusan untuk berkembang 8% pada suku pertama 2006 (S4 2005: 7.9%), sejajar dengan pemulihan dalam kitaran separa konduktor global.

Pertumbuhan juga disokong oleh peningkatan dalam industri berorientasikan pasaran dalam negeri.

Industri berorientasikan eksport berkembang 10.1% (S4 2005: 10.1%) didorong terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam industri keluaran elektronik dan elektrik (E&E) (16.7%; S4 2005: 10.5%). Kesemua kategori keluaran E&E yang utama mencatat pertumbuhan, termasuk segmen elektrik dan separa konduktor dan terutamanya segmen komputer, yang mendapat manfaat daripada minat membeli yang kukuh berikutan harga yang lebih rendah serta permintaan terhadap komputer riba yang meningkat disebabkan kepopularan sistem tanpa wayar. Sementara itu, pengeluaran produk kimia tumbuh pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 4.4% (S4 2005: 16.8%), mencerminkan permintaan yang lebih perlahan terhadap bahan plastik pengantara dari China. Industri keluaran petroleum juga mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana sebanyak 8.9% (S4 2005: 11.5%) selaras dengan pengeluaran gas asli yang lebih rendah.

Pengeluaran industri tekstil, pakaian dan kasut terus berkembang dengan kukuh sebanyak 10.5% (S4 2005: 10.3%). Pengeluaran bagi keluaran

Penggunaan Kapasiti dalam Sektor Perkilangan



Prestasi Sektor Perkilangan

	2005			2006
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai ditambah (harga malar)	**5.7**	**7.9**	**5.1**	**8.0**
Pengeluaran Keseluruhan	**4.0**	**8.2**	**5.1**	**8.3**
Industri berorientasikan eksport	**3.5**	**10.1**	**5.7**	**10.1**
Antaranya:				
Elektronik dan barangan elektrik	-1.2	10.5	3.5	16.7
Elektronik	-2.2	13.1	5.2	21.5
Barangan Elektrik	1.7	3.7	-0.8	4.2
Bahan kimia dan keluaran kimia	6.6	16.8	11.0	4.4
Keluaran petroleum[1]	13.4	11.5	10.8	8.9
Tekstil, pakaian dan kasut	-4.3	10.3	3.4	10.5
Kayu dan keluaran kayu [2]	1.3	3.1	1.5	1.9
Keluaran getah	4.6	-1.6	-0.4	-8.3
Pemprosesan luar estet	25.7	-4.6	8.1	-4.9
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**6.1**	**0.4**	**2.8**	**0.7**
Antaranya:				
Keluaran galian bukan logam	4.1	1.5	2.0	-5.7
Besi & keluli dan logam bukan ferum	1.6	-13.4	-5.3	-10.9
Makanan	8.6	4.8	7.6	-2.3
Kelengkapan pengangkutan	16.0	6.7	8.5	6.5
Keluaran logam yang direka	-6.9	-5.7	-4.9	13.2
Jumlah Eksport Perkilangan	**12.0**	**13.1**	**10.1**	**10.6**
Antaranya:				
Keluaran elektronik dan elektrik	9.9	14.7	10.0	8.4
Bahan kimia dan keluaran kimia	20.7	4.5	7.0	-6.7
Keluaran petroleum	18.0	20.6	24.7	39.3
Peralatan optikal & saintifik	22.9	12.4	6.5	7.9
Keluaran kayu	16.8	6.6	2.1	-3.7
Barangan perabot	10.3	0.8	6.1	8.0
Keluaran getah	11.9	18.7	12.3	16.7

[1] Dalam Indeks Pengeluaran Perindustrian (2000=100) yang baru, LNG telah diklasifikasikan semula sebagai keluaran petroleum (sebelum ini diklasifikasikan sebagai bahan kimia dan keluaran kimia). Dengan itu, keluaran petroleum diklasifikasikan semula sebagai industri berorientasikan eksport.

[2] Pengeluaran barangan perabot tidak termasuk dalam data pengeluaran kayu.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

getah terus merosot sebanyak 8.3% (S4 2005: -1.6%) meskipun dari segi eksport, perolehan kekal menggalakkan. Faktor utama kemerosotan pengeluaran disebabkan pengilang tayar sedang dalam peralihan kepada pengeluaran produk yang lebih sofistikated dan berkualiti lebih tinggi.

Sementara itu, **industri berorientasi pasaran dalam negeri** mencatat pertumbuhan sebanyak 0.7% pada suku pertama 2006 (S4 2005: 0.4%), kerana penguncupan dalam industri berkaitan pembinaan diimbangi oleh prestasi yang lebih baik dalam industri keluaran logam yang direka (13.2%; S4 2005: -5.7%) dan pertumbuhan yang mapan dalam industri kelengkapan pengangkutan (6.5%; S4 2005: 6.7%). Industri besi dan keluli merosot pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 10.9% (S4 2005: -13.4%), sebahagiannya mencerminkan pemulihan harga keluli global secara beransur-ansur. Industri keluaran galian bukan logam merosot 5.7% (S4 2005: 1.5%) pada suku pertama, sebahagiannya terjejas oleh aktiviti pembinaan yang lembap serta pengeluaran gelas yang lebih rendah untuk pasaran keluaran berkaitan tiub sinar katod yang semakin kecil.

Secara keseluruhan, kadar **penggunaan kapasiti** sektor perkilangan berpurata pada 74% pada suku pertama 2006 (S4 2005: 75%) dalam keadaan peningkatan kapasiti hasil daripada pelaburan yang lebih tinggi. Industri berorientasikan eksport beroperasi pada tahap 78% (S4 2005: 78%), sementara industri berorientasikan pasaran dalam negeri beroperasi pada tahap 68% (S4 2005: 70%) pada suku itu.

Pengembangan sektor perkhidmatan mapan

Sektor perkhidmatan berkembang 5.2% pada suku pertama 2006 (S4 2005: 5.9%), disokong oleh aktiviti berkaitan perdagangan, penggunaan dan pelancongan. Yang ketara, sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan; dan perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran terus menunjukkan prestasi yang menggalakkan.

Subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 6% (S4 2005: 5.8%) didorong terutamanya oleh peningkatan aktiviti pemberian pinjaman bank serta pertumbuhan sektor insurans yang berterusan bagi kedua-dua kategori insurans am dan hayat. Sementara itu, segmen perkhidmatan perniagaan terus kekal kukuh,

disebabkan aktiviti perniagaan terpilih yang lebih tinggi yang mendapat manfaat daripada prestasi pasaran saham yang lebih baik pada suku pertama serta aktiviti yang lebih tinggi dalam industri perkhidmatan perkongsian dan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga (SSO) seperti yang dicerminkan oleh 16 kelulusan baru syarikat SSO berstatus MSC pada suku itu.

Prestasi Sektor Perkhidmatan (Nilai Ditambah)

	Bahagian 2005	2005			2006
		S1	S4	Tahun	S1
	%	Perubahan tahunan (%)			
Perkhidmatan Pengantara	**41.5**	**7.1**	**5.5**	**5.9**	**5.4**
Pengangkutan, penyimpanan & komunikasi	15.1	10.4	4.9	6.2	4.4
Kewangan, insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan	26.4	5.2	5.8	5.7	6.0
Perkhidmatan Akhir	**58.5**	**6.6**	**6.1**	**6.9**	**5.1**
Elektrik, gas & air	7.1	6.2	3.7	5.6	4.7
Perniagaan borong & runcit, hotel dan restoran	25.2	7.8	7.0	8.0	6.1
Perkhidmatan Kerajaan	12.8	6.7	7.4	7.6	3.7
Perkhidmatan lain	13.3	4.7	4.6	4.9	4.6
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**	**6.8**	**5.9**	**6.5**	**5.2**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2005			2006
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	17.4	18.7	18.7	18.8
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	12.7	8.3	8.3	7.3
Import barangan penggunaan	10.7	4.2	5.9	14.1
Jumlah jualan kereta penumpang	19.5	13.5	8.6	-9.6
Jumlah jualan kenderaan perdagangan	31.6	16.4	31.2	23.2
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	6.6	1.9	4.8	6.5
Kargo yang dikendali (semua lapangan terbang)	5.3	6.2	4.3	10.7
Kargo kotena yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP)	4.7	7.8	4.9	7.8
Trafik SMS	70.6	156.3	130.8	118.9
	Peratusan (%)			
Kadar penembusan telefon bimbit (%)	60.9	74.1	74.1	77.7

Sumber: Pelbagai sumber

Subsektor **perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran** terus berdaya tahan untuk mencatat pertumbuhan yang mapan sebanyak 6.1% pada suku pertama (S4 2005: 7%). Perkembangan ini berlaku meskipun harga petrol dan diesel dalam negeri meningkat pada suku itu. Pertumbuhan disokong oleh perbelanjaan sektor isi rumah yang berterusan dalam suasana pertumbuhan pendapatan yang positif. Aktiviti pelancongan dalam negeri yang pesat disokong oleh kadar tambang penerbangan yang istimewa dan tawaran pakej pelancongan yang menarik pada suku pertama.

Pertumbuhan **subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi** disokong oleh segmen pengangkutan dan telekomunikasi. Sektor pengangkutan dibantu aktiviti darat dan pelabuhan yang lebih tinggi selaras dengan peningkatan jumlah perdagangan pada suku pertama. Sementara itu, pertumbuhan dalam industri telekomunikasi terus mapan disebabkan aktiviti segmen selular yang tinggi.Peningkatan kadar penembusan (77.7%; S4 2005: 74.1%) dan pertumbuhan yang kukuh dalam trafik khidmat pesanan ringkas (SMS), yang melebihi tujuh bilion untuk dua suku berturut-turut, terus menyokong pertumbuhan dalam industri itu. Penggunaan jalur lebar juga terus meningkat dengan bilangan pelanggan jalur lebar melebihi setengah juta pada akhir bulan Mac 2006 (kadar penembusan sebanyak 2.2%; akhir 2005: 1.9%).

Subsektor utiliti mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 4.7% (S4 2005: 3.7%) disokong terutamanya oleh permintaan yang meningkat terhadap elektrik daripada pengguna komersial dan isi rumah, sementara pertumbuhan subsektor **perkhidmatan Kerajaan** terus meningkat disebabkan emolumen yang lebih banyak dan elaun tambahan yang dibayar kepada kakitangan Kerajaan.

Pertumbuhan sektor pertanian lebih kukuh manakala aktiviti sektor perlombongan terus lembap

Prestasi **sektor komoditi utama** bercampur-campur pada suku pertama 2006. Sektor pertanian mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 7.3% (S4 2005: -1.5%) didorong terutamanya oleh aktiviti yang lebih tinggi dalam segmen getah, koko, padi, ternakan, ikan, buah-buahan dan sayur-sayuran manakala pengeluaran minyak sawit mentah merosot pada suku itu. Sementara itu, sektor perlombongan terus merosot 3.5% (S4 2005: -2%) disebabkan pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih rendah.

Dalam **sektor pertanian**, kebanyakan subsektor mempamerkan prestasi yang mantap pada suku pertama. Yang ketara, **pengeluaran getah** meningkat semula untuk mencatat peningkatan yang ketara pada suku pertama sebanyak 25.2% (S4 2005: -3.8%) meskipun musim daun luruh yang berlaku semasa bulan Februari sehingga April yang menjejaskan hasil. Prestasi yang kukuh mungkin berkaitan dengan harga semasa yang tinggi pada suku pertama, yang berpunca daripada permintaan global yang kukuh terhadap getah asli dan didorong pula oleh harga getah sintetik yang tinggi selaras dengan harga minyak mentah yang meningkat pada suku pertama. Harga getah kukuh dengan ketara sebanyak 47.1% kepada purata 689 sen sekilogram pada suku pertama (S4 2005: 605 sen sekilogram) dengan harga secara konsisten melebihi paras ambang 700 sen sejak bulan Februari 2006. Harga yang tinggi mendorong pekebun kecil, yang mencakupi hampir 95% daripada pengeluaran getah asli Malaysia, untuk mempergiat aktiviti penorehan mereka. Para pekebun kecil juga dibantu oleh keadaan cuaca yang sederhana di kawasan pengeluaran getah di bahagian utara Semenanjung Malaysia, berbanding dengan musim kemarau yang melampau yang merencatkan pengeluaran susu getah pada tempoh yang sama tahun 2005.

Di samping itu, pengeluaran **koko dan ikan** mencatat pertumbuhan positif pada suku pertama 2006, selepas mengalami kemerosotan selama empat suku berturut-turut pada tahun 2005. Pengeluaran koko meningkat semula dengan ketara sebanyak 23.2% kepada 9,407 tan, dalam keadaan insiden penyakit *black pod* yang telah menjejaskan hasil sebelum ini. Pengeluaran ikan meningkat 8% kepada 343,108 tan, disebabkan terutamanya oleh pemulihan

Prestasi Sektor Pertanian

	2005			2006
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai ditambah (pada harga tahun 1987)	**6.1**	**-1.5**	**2.5**	**7.3**
Pengeluaran[1]				
Antaranya:				
Minyak sawit mentah	27.5	-6.0	7.0	-5.4
Minyak isirong sawit mentah	27.2	-5.4	12.1	-8.9
Getah	-9.8	-3.8	-3.8	25.2
Ikan	-13.0	-1.7	-7.2	8.0
Biji koko	-10.9	-7.8	-16.3	23.2
Eksport (RM juta)	**6.2**	**3.2**	**3.4**	**5.0**
Antaranya:				
Minyak sawit				
('000 tan)	13.9	-0.2	10.9	3.5
(RM/tan)	-15.7	-8.2	-14.6	-4.6
(RM juta)	-4.0	-8.4	-5.3	-1.3
Minyak isirong sawit				
('000 tan)	14.5	-2.1	0.0	-30.0
(RM/tan)	8.3	-12.4	-3.3	-4.7
(RM juta)	24.1	-14.2	-3.3	-33.3
Getah				
('000 tan)	-0.8	-0.2	2.1	3.0
(Sen/kilogram)	-2.2	28.7	9.0	43.7
(RM juta)	-2.9	28.4	11.3	48.0
Kayu siap digergaji				
('000 meter padu)	47.8	-0.8	16.4	-21.0
(RM/meter padu)	-10.3	23.5	8.3	29.8
(RM juta)	32.6	22.4	26.0	2.5
Kayu balak				
('000 meter padu)	42.2	1.6	10.6	-19.1
(RM/meter padu)	4.4	17.0	7.7	17.7
(RM juta)	48.4	18.8	19.1	-4.7
Biji koko				
('000 tan)	183.4	-5.6	-2.1	101.1
(RM/tan)	0.7	3.5	-1.8	0.1
(RM juta)	185.3	-2.3	-3.9	101.2

[1] Dalam '000 tan, kecuali kayu balak dalam '000 meter padu

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Jabatan Perikanan Malaysia
Lembaga Koko Malaysia (MCB)
Jabatan Perangkaan Malaysia

dalam pengeluaran ikan laut berikutan inisiatif yang diambil oleh Kerajaan pada tahun 2005 untuk menangani masalah yang dihadapi oleh nelayan akibat Tsunami dan kenaikan harga petroleum. Pertumbuhan terus diperteguh oleh peningkatan hasil tuaian daripada aktiviti akuakultur, termasuk ikan hiasan, udang harimau dan rumpai laut.

Sementara itu, pengeluaran **minyak sawit mentah** merosot 5.4% kepada 3.23 juta tan (S4 2005: -6%), disebabkan hasil yang lebih rendah seperti yang dicerminkan oleh kemerosotan dalam pengeluaran tandan buah segar (FFB) dan kadar perahan minyak (OER). Hasil FFB pada suku pertama merosot 4.4% kepada 4.14 tan sehektar (S1 2005: 4.33 tan sehektar), sementara OER turun sedikit kepada 19.54%, berbanding dengan 20.20% yang dicatat pada tempoh yang sama tahun 2005. Hasil pada suku pertama terjejas oleh hujan yang terlalu lebat dan banjir di kawasan pengeluaran utama di pantai barat Semenanjung Malaysia dan Sabah, serta tempoh cuti perayaan yang panjang yang melewatkan aktiviti tuaian.

Aktiviti **sektor perlombongan** terjejas oleh pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih rendah. Pengeluaran **minyak mentah** (termasuk kondensat) merosot 2.2% kepada 724,166 tong sehari pada suku pertama (S1 2005: 740,383 tong sehari), sementara pengeluaran **gas asli** menguncup 5.9% kepada 5,974 juta kaki padu standard sehari (S1 2005: 6,352 juta kaki padu standard sehari).

Aktiviti pembinaan lembap

Sektor **pembinaan** kekal lembap dengan aktiviti menguncup sebanyak 1.8% pada suku pertama (S4: -0.6%). Pertumbuhan terjejas terutamanya oleh kelemahan dalam sektor kejuruteraan awam kerana peserta industri utama terus mendapat projek di luar negara dalam keadaan lebihan kapasiti dalam negara. Aktiviti subsektor kediaman menunjukkan tanda-tanda menjadi sederhana kerana pemaju bersikap berhati-hati dalam pelancaran projek baru dalam suasana kos yang meningkat dan permintaan yang berkurang.

Penunjuk Pembinaan

	2005			2006
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Permit jualan dan iklan baru	2.3	11.4	15.9	-17.8[1]
Kelulusan perumahan	11.2	2.8	-2.7	-43.2[1]
Pengeluaran bahan berkaitan pembinaan	3.3	-3.8	-0.5	-7.5
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	47.6	3.4	2.2	-33.6
Import bahan pembinaan dan bahan galian	6.1	0.2	-7.3	1.1[1]

[1] Jan-Feb 2006
Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	2005			2006
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai ditambah (pada harga tahun 1987)	**3.4**	**-2.0**	**0.8**	**-3.5**
Pengeluaran				
Antaranya:				
Minyak mentah dan kondensat	-5.2	-3.0	-4.9	-2.2
('000 tong)				
Gas asli (bersih)	19.8	-0.5	11.3	-5.9
(juta kaki padu standard)				
Eksport (RM juta)	**34.8**	**20.2**	**27.1**	**24.0**
Antaranya:				
Minyak mentah dan kondensat				
('000 tan)	-1.1	8.6	-2.0	-4.1
(USD/tong)	36.0	26.3	37.1	41.0
(RM juta)	34.5	36.3	33.7	32.6
Gas asli cecair				
('000 tan)	17.6	-1.7	5.9	-2.6
(RM/tan)	12.8	17.6	15.0	19.6
(RM juta)	32.7	15.5	21.7	16.4

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan Dalam Negeri Lebih Kukuh

Pertumbuhan permintaan dalam negeri lebih kukuh pada suku pertama 2006, meningkat pada kadar tahunan 7.6% (S4 2005: 7.2%). Sektor swasta terus menjadi pendorong utama pertumbuhan.

Perbelanjaan **penggunaan swasta** kekal kukuh pada suku pertama, meningkat 7.5%. Meskipun terdapat kebimbangan tentang kenaikan


inflasi, perbelanjaan pengguna disokong oleh peningkatan pendapatan boleh guna yang berterusan dalam suasana harga komoditi yang terus tinggi dan prestasi eksport yang kukuh. Keadaan pasaran pekerja juga kekal menggalakkan dengan kekosongan jawatan berterusan tinggi sementara pemberhentian pekerja berkurang. Keadaan pembiayaan juga terus menyokong pertumbuhan. Meskipun Kadar Dasar Semalaman Bank Negara Malaysia meningkat pada bulan Februari, dan meningkat lagi pada bulan April, kadar faedah terus kekal di bawah paras neutral dan dengan itu terus menyokong aktiviti ekonomi.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar 1987)


	2005			2006
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	6.4	7.2	7.3	7.6
Penggunaan	8.3	9.9	8.3	6.1
Sektor swasta	10.1	9.0	9.2	7.5
Sektor awam	1.0	12.6	5.4	0.1
Pembentukan Modal Tetap Kasar	2.0	0.4	4.7	11.4
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	10.8	9.7	8.6	5.9
Import Barangan dan Perkhidmatan	8.4	8.0	8.0	10.8
KDNK	**6.1**	**5.2**	**5.2**	**5.3**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perbelanjaan Kerajaan Meningkat Dengan Sederhana



Keyakinan Perniagaan Kekal Tinggi Sementara Sentimen Pengguna Menurun



Penunjuk penggunaan utama juga menunjukkan perbelanjaan pengguna yang mapan. Import barangan penggunaan dan perbelanjaan kad kredit mencatat pertumbuhan yang kukuh, sementara pertumbuhan pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan bagi tujuan penggunaan adalah berterusan. Namun begitu, bilangan jualan kereta penumpang baru mencatat kemerosotan pada suku pertama, mencerminkan sebahagiannya ketidakpastian mengenai butiran Dasar Automotif Negara.

Sementara itu, **penggunaan awam** meningkat 0.1% kerana perbelanjaan yang lebih rendah bagi menyediakan pendidikan dan perkhidmatan kesihatan lebih daripada mengimbangi perbelanjaan atas emolumen dan pertahanan yang lebih tinggi.

Pembentukan modal tetap kasar terus bertambah kukuh dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 11.4%. Perbelanjaan pelaburan disokong terutamanya oleh perbelanjaan modal sektor swasta memandangkan perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan menurun. Sektor perniagaan meningkatkan dan mengembangkan kapasiti produktif mereka, dan membuat pelaburan baru dalam aktiviti hiliran kerana didorong oleh prospek perniagaan

yang lebih baik dan penggunaan kapasiti yang terus tinggi. Indeks Keadaan Perniagaan MIER naik kepada 102.5 mata (S4 2005: 100.5 mata). Ini memperlihatkan bahawa pengilang terus optimis terhadap jualan dan pengeluaran meskipun harga minyak lebih tinggi. Penunjuk pelaburan utama juga menunjukkan corak pelaburan yang kukuh. Import barangan modal dan jualan kenderaan perdagangan mencatat kadar pertumbuhan dua angka yang kukuh sementara penunjuk kewangan, terutamanya pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan kepada sektor perniagaan, menunjukkan aktiviti pelaburan yang lebih tinggi pada suku pertama.

Walaupun perbelanjaan pembangunan Kerajaan lebih rendah, tumpuan terus diberi pada usaha menyediakan perkhidmatan asas seperti pembangunan pertanian dan luar bandar, utiliti awam, pendidikan dan perkhidmatan kesihatan.

Inflasi meningkat pada suku pertama

Kadar tahunan inflasi, seperti yang diukur oleh **Indeks Harga Pengguna** (IHP), meningkat kepada 3.7% (S4 2005: 3.4%). Ini terutamanya mencerminkan kenaikan harga runcit bahan api sebanyak 18% pada 28 Februari 2006, yang menyebabkan pelarasan menaik dalam kadar inflasi pada bulan Mac kepada 4.8%. Peningkatan itu juga sebahagiannya disebabkan wajaran kategori pengangkutan yang lebih tinggi dalam kumpulan IHP yang disemak (berkuat kuasa bulan Januari 2006, Jabatan Perangkaan Malaysia telah menyemak tahun rujukan asas bagi tempoh IHP daripada tahun 2000 kepada tahun 2005. Sila rujuk rencana dalam Buletin Perangkaan Bulanan bulan Mac 2006 untuk butiran lanjut).


Pertumbuhan tahunan **Indeks Harga Pengeluar** (IHPR) meningkat kepada 9.9% pada suku pertama (S4 2005: 7.1%). Kenaikan itu disebabkan sebahagian besarnya oleh kenaikan yang lebih kukuh dalam kategori berkaitan komoditi dalam suasana harga getah, minyak mentah dan minyak sawit mentah yang lebih tinggi. Sementara itu, tidak termasuk komoditi, kadar kenaikan IHPR adalah sederhana pada 0.7% (S4 2005: 1.7%) disebabkan terutamanya oleh kenaikan IHPR bagi makanan dan binatang hidup dan keluaran berkaitan perkilangan yang lebih perlahan, sementara IHPR bagi keluaran berkaitan kimia dan jentera dan kelengkapan pengangkutan pula lebih rendah.

Pasaran pekerja terus kukuh

Keadaan pasaran pekerja terus kukuh pada suku pertama 2006 dengan kekosongan jawatan yang kekal tinggi dan bilangan pemberhentian pekerja dan pencari kerja yang belum ditempatkan terus menurun.


Jumlah kekosongan jawatan yang dilaporkan pada suku pertama berterusan tinggi sebanyak 170,882 jawatan (S4 2005: 182,838 jawatan), dengan bilangan kekosongan jawatan yang tinggi dilaporkan dalam sektor perkilangan (42%), pertanian (21%) dan perkhidmatan (18%). Permintaan yang terus kukuh terhadap pekerja juga dicerminkan oleh penurunan pemberhentian pekerja sebanyak 23% pada suku pertama, dengan hanya 3,648 orang diberhentikan pada suku itu (S4 2005: 3,955 orang). Kira-kira 34% daripada pemberhentian pekerja itu melibatkan pekerja jualan dan perkhidmatan dan sebilangan pekerja pengeluaran (29%).

Sumbangan kepada Inflasi



Berkuat kuasa dari Januari 2006, tempoh rujukan asas bagi IHP ialah tahun 2005=100

Keadaan Pasaran Pekerja



Trend menurun dalam pemberhentian pekerja mencerminkan penurunan yang berterusan dalam bilangan pencari pekerja yang belum ditempatkan. Pada akhir bulan Mac 2006, jumlah bilangan pencari kerja yang belum ditempatkan ialah 56,823 orang, iaitu penurunan selama tujuh bulan berturut-turut sejak akhir bulan September 2005. Kebanyakan pencari kerja merupakan lepasan sekolah dengan kelayakan SPM (32%) serta pemegang ijazah (24%) dan diploma (20%).

Namun demikian, dengan meningkatnya ketidakpastian yang didorong oleh harga minyak yang lebih tinggi pada suku pertama, kebimbangan berhubung dengan prospek pekerjaan meningkat pada suku pertama, seperti ditunjukkan oleh Indeks Guna Tenaga MIER yang lebih rendah. Dijangkakan bahawa sentimen akan turut meningkat dengan peredaran masa apabila trend positif dalam pasaran pekerja berterusan pada bulan-bulan berikutnya tahun ini.


Produktiviti pekerja benar, seperti yang diukur oleh nilai jualan produk benar bagi setiap pekerja dalam sektor perkilangan merosot 1.1% (S4 2005: 7.5%), iaitu penguncupan suku tahunan yang pertama sejak suku pertama tahun 2002 (-3.4%). Kemerosotan pertumbuhan produktiviti pekerja benar pada suku pertama tahun ini mencerminkan pertumbuhan jualan perkilangan yang lebih rendah pada asas tahunan, dalam suasana pertumbuhan guna tenaga dan inflasi yang lebih tinggi. Sebaliknya, upah benar merosot lebih ketara (-1.7%: S4 2005: -0.5%) kerana upah nominal mencatat pertumbuhan yang kecil, yang lebih daripada diimbangi oleh harga pengguna yang lebih tinggi.

Eksport dan import terus berkembang

Lebihan perdagangan berkurang kepada RM25.8 bilion pada suku pertama 2006 (S4 2005: RM28.6 bilion) kerana import kasar meningkat pada kadar yang lebih pantas (13.7%; S4 2005: 7.5%) berbanding dengan eksport (11.5%; S4 2005: 12.6%). Pertumbuhan import yang kukuh mencerminkan pertumbuhan dalam kesemua kategori import.

Eksport kasar meningkat pada kadar yang mapan sebanyak 11.5% pada suku pertama 2006 (S4 2005: 12.6%) disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang kukuh dalam eksport komoditi, terutamanya galian, dan pengembangan dua angka yang berterusan dalam eksport perkilangan.

Imbangan Perdagangan



Eksport **barangan perkilangan** meningkat 10.6% (S4 2005: 13.1%) disokong oleh eksport keluaran berasaskan sumber terpilih dan kelengkapan pengangkutan. Sementara itu, eksport keluaran E&E berkembang, walaupun pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 8.4% (S4 2005: 14.7%) kerana kepesatan penghantaran komputer dan keluaran berkaitan komputer telah diimbangi oleh pertumbuhan yang lebih perlahan dalam eksport perkakas elektrik. Yang penting, kejatuhan harga beberapa produk E&E dalam suasana persaingan yang sengit sebahagiannya menyumbang kepada pertumbuhan yang lebih rendah dalam perolehan pada suku itu.

Akaun Perdagangan

	2005			2006
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Eksport kasar	**13.7**	**12.6**	**11.0**	**11.5**
Perkilangan	*12.0*	*13.1*	*10.1*	*10.6*
Pertanian	*6.2*	*3.2*	*3.4*	*5.0*
Galian	*34.8*	*20.2*	*27.1*	*24.0*
Import Kasar	**10.1**	**7.5**	**8.5**	**13.7**
Barangan modal	*0.7*	*0.3*	*9.5*	*28.8*
Barangan pengantara	*10.6*	*6.3*	*7.2*	*8.0*
Barangan penggunaan	*10.7*	*4.2*	*5.9*	*14.1*
Imbangan perdagangan (RM bil)	**25.0**	**28.6**	**99.8**	**25.8**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan eksport keluaran berasaskan sumber kekal mapan, didorong terutamanya oleh eksport petroleum, keluaran getah, makanan dan perabot dan komponen. Eksport keluaran petroleum meningkat lagi sebanyak 39.3% (S4 2005: 20.6%), disokong oleh harga yang tinggi dan permintaan yang memberangsangkan dari negara serantau. Pertumbuhan eksport keluaran getah juga kekal pada tahap yang tinggi (16.7%; S4 2005: 18.7%), disebabkan permintaan yang menggalakkan dan harga yang lebih tinggi kerana sebahagian daripada kenaikan kos bahan mentah dipindahkan kepada pengguna. Sementara itu, terdapat peningkatan yang jelas dalam eksport perabot dan komponen (8%; S4 2005: 0.8%) disokong oleh permintaan yang menggalakkan dari Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia. Pertumbuhan yang kukuh dalam eksport struktur terapung bagi industri minyak dan gas telah menyumbang kepada peningkatan yang ketara (104.9%) dalam eksport segmen kelengkapan pengangkutan pada suku pertama.

Berikutan kenaikan yang kukuh dalam harga tenaga pada suku pertama 2006, pendapatan **eksport galian** meningkat dengan nyata sebanyak 24% kepada RM15 bilion, dan seterusnya mencapai paras tertinggi yang pernah dicatat pada asas suku tahunan. Kenaikan harga tenaga telah didorong oleh ketidakpastian geopolitik di negara pengeluar minyak utama dan pertumbuhan yang terlalu kecil dalam bekalan minyak mentah, yang disebabkan oleh lebihan kapasiti pengeluaran yang terhad di peringkat global dan kapasiti penapisan yang tidak mencukupi di AS, dalam suasana permintaan yang semakin meningkat terhadap keluaran petroleum terutamanya untuk tujuan pengangkutan. Minyak mentah Malaysia dari jenis "*light and sweet*" dengan kandungan sulfur yang rendah mendapat permintaan khusus daripada syarikat penapisan minyak di seluruh dunia untuk mengeluarkan keluaran petroleum yang berkaitan dengan pengangkutan. Hasilnya, premium yang diraih oleh minyak mentah Malaysia berbanding dengan gred minyak penanda aras dalam pasaran minyak global meningkat, menyebabkan harga eksport minyak mentah Malaysia itu berpurata pada USD65.32 setong. Selaras dengan harga tenaga yang lebih tinggi, perolehan daripada eksport gas asli cecair (LNG) juga meningkat 16.4%, dipacu keseluruhannya oleh kenaikan harga yang ketara sebanyak 19.6% kepada purata RM1,041 setan.

Eksport pertanian terus meningkat sebanyak 5% pada suku pertama kepada RM9.2 bilion (S4 2005: 3.2%), disokong terutamanya oleh pertambahan yang besar dalam eksport getah sebanyak 48% (S4 2005: 28.4%). Prestasi yang luar biasa ini disebabkan oleh kenaikan harga eksport (43.7% kepada 666 sen sekilogram; S4 2005: 28.7%) didorong oleh permintaan global yang tinggi terhadap getah asli daripada sektor automotif, di samping kenaikan harga getah tiruan, iaitu satu keluaran petrokimia, yang semakin meningkat selaras dengan harga minyak mentah yang lebih kukuh. Perkembangan ini menyebabkan pengurangan stok getah dunia, lantas memberi tekanan menaik terhadap harga. Sementara itu, eksport minyak sawit merosot 1.3% pada suku pertama (S4 2005: -8.4%) disebabkan keseluruhannya oleh harga yang lebih rendah, sementara jumlah eksport terus meningkat 3.5%. Walaupun harga eksport minyak sawit masih pada paras menarik, iaitu RM1,420 setan pada suku pertama, paras ini masih lagi rendah jika dibandingkan dengan harga pada suku yang sama tahun 2005. Sementara itu, penghantaran minyak sawit kepada pasaran eksport utama termasuk RR China, Timur Tengah dan AS terus meningkat.

Perdagangan Malaysia dengan rakan dagangan utamanya terus berkembang. Eksport ke negara serantau (tidak termasuk Jepun) berkembang 11.6% untuk mencakupi bahagian yang lebih tinggi sebanyak 45.8%. Pertumbuhan eksport serantau dipacu oleh Singapura, Vietnam dan Korea. Eksport ke Singapura disokong oleh permintaan yang kukuh untuk keluaran elektrik dan elektronik (E&E), keluaran petroleum yang ditapis, kelengkapan pengangkutan dan petroleum mentah, sementara Korea terus mengimport LNG, petroleum mentah dan kimia dari Malaysia. Yang penting, eksport ke Vietnam meningkat 107%, didorong oleh eksport kelengkapan pengangkutan, minyak sawit, keluaran plastik dan logam.

Pada suku pertama, Malaysia juga mencatat pertumbuhan eksport yang kukuh ke AS, EU, Australia dan New Zealand. Eksport ke AS didorong oleh eksport keluaran E&E dan kayu, tekstil dan pakaian, keluaran getah dan minyak sawit. Selaras dengan aktiviti ekonomi yang bertambah baik, eksport ke negara-negara EU meningkat 10%. Eksport ke Australia dan New Zealand disokong oleh permintaan yang kukuh terhadap petroleum mentah dan keluaran E&E.


Dari segi import, Malaysia terus mendapatkan komponen import dari negara serantau, khususnya Singapura, RR China, Thailand dan Korea. Import dari negara serantau meningkat dengan ketara sebanyak 14.2%, mencerminkan terutamanya import keluaran E&E, kimia dan keluaran logam. Import dari

Malaysia: Destinasi Eksport

	2005			2006	2005			2006	2005			2006
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion				Bahagian daripada jumlah eksport (%)				Perubahan tahunan (%)			
Amerika Syarikat	**21.6**	**27.5**	**105.0**	**24.5**	**17.6**	**19.3**	**19.7**	**17.9**	**12.2**	**18.8**	**16.5**	**13.4**
Kesatuan Eropah (EU)	**14.6**	**17.5**	**62.6**	**16.1**	**11.9**	**12.3**	**11.7**	**11.8**	**5.3**	**11.2**	**3.7**	**10.0**
Negara ASEAN terpilih[1]	**32.6**	**36.7**	**137.8**	**37.4**	**26.6**	**25.7**	**25.8**	**27.3**	**20.9**	**14.5**	**15.1**	**14.7**
Negara Timur Laut Asia	**23.5**	**27.0**	**99.2**	**25.2**	**19.2**	**18.9**	**18.6**	**18.4**	**7.3**	**11.0**	**6.2**	**7.2**
Republik Rakyat China	*8.0*	*10.5*	*35.2*	*8.3*	*6.5*	*7.3*	*6.6*	*6.1*	*10.8*	*26.2*	*9.6*	*4.4*
Hong Kong China	*7.1*	*7.8*	*31.2*	*7.5*	*5.8*	*5.5*	*5.8*	*5.5*	*9.7*	*6.5*	*8.8*	*6.2*
China Taipei	*3.1*	*4.0*	*14.8*	*3.3*	*2.5*	*2.8*	*2.8*	*2.4*	*-14.4*	*-2.4*	*-6.0*	*7.2*
Korea	*5.4*	*4.7*	*17.9*	*6.1*	*4.4*	*3.3*	*3.4*	*4.5*	*14.9*	*2.5*	*6.6*	*12.8*
India	**3.7**	**4.2**	**15.0**	**4.0**	**3.0**	**2.9**	**2.8**	**2.9**	**37.0**	**32.2**	**31.2**	**8.3**
Jumlah eksport	**122.6**	**142.6**	**533.8**	**136.7**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**13.7**	**12.6**	**11.0**	**11.5**

[1] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan Import



AS berkembang 26.4%, mencakupi bahagian import yang lebih tinggi sebanyak 14%, disokong oleh kenaikan import keluaran E&E, kelengkapan pengangkutan serta kelengkapan optik dan saintifik. **Import kasar** tumbuh lebih kukuh sebanyak 13.7%, mencerminkan keteguhan aktiviti pelaburan swasta dan perbelanjaan pengguna dalam negeri serta pengembangan yang berterusan dalam input untuk eksport perkilangan. Import **barangan pengantara**, khususnya input untuk keluaran E&E, meningkat 8%. Permintaan yang lebih tinggi untuk musim perayaan juga mendorong peningkatan dalam import makanan dan minuman. Import bahan api dan pelincir mencatat pertumbuhan yang kukuh pada suku pertama, hasil daripada harga minyak yang tinggi.

Satu ciri yang ketara ialah pertumbuhan yang nyata sebanyak 28.8% dalam **barangan modal** kepada RM15.9 bilion. Import barangan modal tidak termasuk barangan *lumpy* meningkat 12.3%. Peningkatan dalam import untuk tujuan pengembangan kapasiti dan peningkatan teknologi berlaku dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, seperti yang ditunjukkan oleh pertambahan dalam import jentera untuk perkilangan, alat logam, kelengkapan pejabat dan alat penjana, turbin dan motor elektrik. Aktiviti cari gali dan pembangunan dalam industri minyak dan gas huluan juga mendorong peningkatan import kelengkapan pembinaan dan perlombongan. Permintaan luaran yang kukuh terhadap eksport komoditi dan pengembangan perjalanan antara negara serantau telah mendorong peningkatan dalam penghantaran kapal, pesawat udara dan keretapi. Sejajar dengan perbelanjaan pengguna swasta yang berterusan, import **barangan penggunaan** meningkat 14.1%. Import penggunaan terutamanya terdiri daripada import barangan pengguna tahan lama dan separa tahan lama.

Malaysia: Import mengikut Penggunaan Akhir Dan Klasifikasi Kategori Ekonomi Umum (BEC)

	2005			2006
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan Tahunan (%)			
BARANGAN MODAL	**0.7**	**0.3**	**9.5**	**28.8**
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	7.3	5.3	10.0	17.2
Alat kelengkapan pengangkutan	-43.0	-26.8	5.3	173.3
BARANGAN PENGANTARA	**10.6**	**6.3**	**7.2**	**8.0**
Makanan dan minuman terutamanya untuk industri	-7.9	6.9	-5.6	29.0
Bekalan perindustrian, t.s.t.l.	16.0	0.6	6.0	1.3
Bahan api dan pelincir	95.7	32.2	42.3	21.1
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	0.1	5.6	2.7	8.9
Alat ganti dan aksesori alat kelengkapan pengangkutan	40.9	11.3	34.8	9.4
BARANGAN PENGGUNAAN	**10.7**	**4.2**	**5.9**	**14.1**
Makanan dan minuman terutamanya untuk penggunaan isi rumah	9.5	-1.2	4.0	3.6
Alat kelengkapan pengangkutan bukan perindustrian	-16.2	17.5	-4.9	23.5
Barangan pengguna, t.s.t.l.	12.2	7.4	7.4	20.9
Barangan tahan lama	*11.3*	*12.3*	*12.3*	*32.3*
Barangan separa tahan lama	*3.4*	*5.1*	*0.4*	*27.3*
Barangan tidak tahan lama	*19.2*	*6.5*	*10.2*	*11.3*
BARANGAN DUA GUNA	**17.0**	**12.2**	**21.5**	**23.2**
LAIN-LAIN	**-6.0**	**4.9**	**0.8**	**12.0**
IMPORT TERTANGGUH	**9.0**	**5.4**	**7.7**	**11.7**
EKSPORT SEMULA	**35.3**	**53.4**	**26.9**	**52.3**
IMPORT KASAR	**10.1**	**7.5**	**8.5**	**13.7**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aliran masuk FDI berterusan

Pada asas tunai, aliran masuk kasar **pelaburan langsung asing (FDI)** berjumlah RM3.7 bilion (S4 2005: RM13 bilion), mencerminkan terutamanya pengurangan dalam pemberian pinjaman jangka pendek antara syarikat oleh syarikat multinasional asing kepada anak syarikat mereka di Malaysia. Sejumlah besar daripada aliran masuk kasar itu adalah dalam bentuk modal ekuiti dan disalurkan kepada sektor perkhidmatan, perkilangan dan minyak dan gas. Dalam sektor perkhidmatan, aliran masuk FDI tertumpu terutamanya dalam subsektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan, serta subsektor restoran, hotel dan perdagangan borong dan runcit. Sementara itu, aliran masuk FDI ke dalam sektor perkilangan tertumpu terutamanya pada industri elektrik dan elektronik, industri berkaitan petroleum dan industri barangan optik. Selepas membuat penyelarasan bagi aliran keluar yang disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman jangka pendek kepada syarikat yang berkaitan, FDI mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM0.9 bilion (S4 2005: RM2.9 bilion). FDI pada asas tunai tidak mengambil kira perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk jentera dan peralatan yang diimport.

Pelaburan luar negeri mencatat aliran keluar kasar yang nyata lebih tinggi sebanyak RM47.9 bilion (S4 2005: RM18.1 bilion) disebabkan keseluruhannya oleh peningkatan yang ketara dalam pemberian pinjaman jangka pendek oleh syarikat milik bukan pemastautin dalam sektor minyak dan gas kepada syarikat berkaitan mereka di luar negara berikutan operasi perbendaharaan berpusat. Aliran keluar ini sebahagian besarnya diimbangi oleh aliran masuk berikutan pembayaran balik pinjaman jangka pendek antara syarikat pada suku pertama. Setelah membuat pelarasan terutamanya untuk aliran masuk ini, pelaburan luar negeri mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM1.8 bilion (S4 2005: +RM1.9 bilion). Pelaburan ini diterajui oleh syarikat dalam sektor perkhidmatan, terutamanya dalam subsektor utiliti berikutan pengambilalihan sebuah syarikat jana kuasa di Mesir serta subsektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan. Sementara itu, syarikat dalam sektor perkilangan terus melabur ke luar negara, terutamanya dalam industri keluaran elektrik dan elektronik dan berkaitan kimia.

Pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih RM3.9 bilion (S4 2005: -RM13.7 bilion) mencerminkan minat asing yang timbul kembali, terutamanya dalam sekuriti hutang.

Hutang luar negeri berkurang

Jumlah hutang luar negeri Malaysia berkurang kepada RM191 bilion atau USD51.3 bilion pada akhir bulan Mac 2006 (akhir 2005: RM195.9 bilion atau USD51.3 bilion), bersamaan dengan 36.8% daripada KNK. Kedudukan hutang luar negeri yang bertambah baik ini disebabkan penurunan hutang jangka sederhana dan panjang, dan hutang jangka pendek. **Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang** yang lebih rendah (RM147.7 bilion; akhir 2005: RM149 bilion), mencerminkan terutamanya keuntungan penilaian semula kadar pertukaran berikutan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama, terutamanya dolar AS. Pada suku pertama, Kerajaan Persekutuan dan sektor swasta mencatat pembayaran balik bersih pinjaman luar negeri yang kecil. Sementara itu, perusahaan awam bukan kewangan (PABK) yang telah mencatat pembayaran balik bersih

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2005		2006
	S1	S4	S1[a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana & panjang	160.1	149.0	147.7
Sektor awam	94.7	86.1	86.8
Sektor swasta	65.4	62.9	60.9
Hutang jangka pendek[1]	40.5	46.8	43.3
Jumlah hutang luar negeri	200.6	195.9	191.0
- bersamaan USD bilion	52.8	51.3	51.3

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

selama enam suku berturut-turut, beralih arah dengan mencatat pengambilan pinjaman luar negeri bersih (RM3 bilion). Pengambilan pinjaman luar negeri bertujuan terutamanya untuk membiayai perbelanjaan modal, keperluan modal kerja dan pembayaran balik pinjaman luar pesisir, khususnya oleh syarikat pengangkutan.

Jumlah **hutang luar negeri jangka pendek** berkurang kepada RM43.3 bilion atau USD11.6 bilion (akhir 2005: RM46.8 bilion), mencerminkan peminjaman jangka pendek oleh sektor perbankan dan sektor swasta bukan bank yang lebih rendah. Pada akhir bulan Mac 2006, hutang jangka pendek mencakupi hanya 22.7% daripada jumlah hutang luar negeri dan merupakan 16% daripada rizab antarabangsa bersih.


Rizab antarabangsa yang lebih tinggi

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM271.6 bilion atau bersamaan USD73.7 bilion pada 31 Mac 2006. Paras rizab ini mengambil kira pengurangan nilai rizab akibat pelarasan suku tahunan penilaian semula pertukaran asing, berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan mata wang utama. Rizab seterusnya meningkat lagi kepada RM289.5 bilion atau bersamaan USD78.6 bilion pada 15 Mei 2006. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 8.2 bulan import tertangguh dan ialah 6.6 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Kedudukan fiskal yang bertambah baik


Pungutan hasil lebih kukuh yang lebih daripada mengimbangi peningkatan dalam jumlah perbelanjaan telah menghasilkan lebihan fiskal yang besar sebanyak

Hutang Luar Negeri Terkumpul




¹ Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Kewangan Kerajaan Persekutuan



a Awalan

Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2005			2006
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Hasil	21.1	32.2	106.3	24.2
% pertumbuhan	*19.2*	*-8.7*	6.9	14.5
Perbelanjaan mengurus	15.9	35.5	97.7	17.3
% pertumbuhan	*-1.5*	*-0.2*	*7.1*	*8.9*
Akaun semasa	**5.2**	**-3.3**	**8.6**	**6.9**
% daripada KDNK	***4.5***	***-2.5***	***1.7***	***5.3***
Perbelanjaan pembangunan kasar	2.8	17.5	30.5	2.1
% pertumbuhan	*-42.9*	*66.5*	*5.8*	*-23.0*
Imbangan keseluruhan	**2.6**	**-17.9**	**-18.7**	**4.9**
% daripada KDNK	***2.3***	***-13.7***	***-3.8***	**3.8**
Memo:				
Jumlah perbelanjaan kasar	18.7	52.9	128.3	19.5
% pertumbuhan	*-11.1*	*15.0*	*6.8*	4.2
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan				
(pada akhir tempoh)	223.1	228.7	228.7	232.2
% daripada KDNK	*45.0*	*46.2*	*46.2*	*42.8*
Hutang dalam negeri	189.3	198.7	198.7	203.3
% daripada KDNK	*38.2*	*40.1*	*40.1*	*37.5*
Hutang luar negeri	33.8	30.0	30.0	28.9
% daripada KDNK	*6.8*	*6.1*	*6.1*	*5.3*

[a] Awalan

RM4.9 bilion (3.8% daripada KDNK) pada suku pertama 2006. Perolehan yang lebih tinggi adalah terutamanya daripada hasil berasaskan petroleum di samping pembayaran cukai pendapatan oleh individu dan syarikat. Jumlah perbelanjaan meningkat pada kadar tahunan sebanyak 4.2%, disebabkan perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi berikutan kenaikan dalam geran tahunan kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen dan bayaran khidmat hutang. Dana diperoleh keseluruhannya daripada sumber dalam negeri. Pada akhir bulan Mac 2006, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan berjumlah RM232.2 bilion atau 42.8% daripada KDNK. Hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan masih rendah pada tahap 5.3% daripada KDNK.

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN


Kadar faedah meningkat berikutan kenaikan OPR

Pada suku pertama 2006, penunjuk ekonomi terus menjurus ke arah pertumbuhan ekonomi yang mapan, disokong oleh permintaan sektor swasta yang mapan dan pertumbuhan ekonomi yang kukuh di peringkat global dan serantau. Walau bagaimanapun, kadar inflasi dijangka berterusan pada paras yang tinggi untuk beberapa waktu. Oleh itu, untuk menjajarkan kadar faedah mengikut keadaan ekonomi semasa, Kadar Dasar Semalaman (OPR) dinaikkan 25 mata asas kepada 3.25% pada 22 Februari 2006 dan OPR dinaikkan lagi kepada 3.50% pada 26 April 2006. Meskipun dengan dua peningkatan ini, kadar faedah terus berada di bawah paras neutral dan dengan itu, dasar monetari terus menyokong aktiviti ekonomi.


Purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat 2.98% - 3.25% pada suku pertama 2006 (S4 2005: 2.69% - 3.01%). Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga meningkat 22 hingga 24 mata asas. Berikutan kenaikan OPR pada 26 April 2006, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat 3.46 – 3.50% pada tempoh 27 April hingga 26 Mei 2006, manakala kadar antara bank bagi tempoh matang lain naik sebanyak 30 hingga 37 mata asas pada tempoh ini.

Dari segi kadar faedah runcit, kadar pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan meningkat kepada 6.47% pada akhir bulan Mac 2006 (S4 2005: 6.20%), berikutan semua bank perdagangan membuat


Purata Wajaran Harian Kadar Antara Bank Semalaman



Operasi Mudah Tunai BNM
(Pada suku tahunan, RM juta)



Kadar Pemberian Pinjaman Bank Perdagangan
(purata bagi tempoh)



pelarasan dengan menaikkan BLR masing-masing. Kadar pinjaman purata (ALR) bank perdagangan meningkat kepada 6.29% (S4 2005: 6.12%). Pada akhir bulan April 2006, purata BLR dan ALR bank perdagangan masing-masing pada 6.58% dan 6.42%.

Kadar disebut purata bagi deposit tetap bank perdagangan untuk tempoh matang 1 hingga 9 bulan meningkat kepada 3.03% hingga 3.16% pada akhir bulan Mac 2006 (S4 2005: 3.01% hingga 3.08%), sementara kadar purata bagi tempoh matang 12 bulan tidak berubah pada 3.70%. Menjelang 15 Mei 2006, kadar purata bagi deposit tetap bank perdagangan bagi tempoh matang 1 hingga 12 bulan meningkat kepada 3.11% hingga 3.73%. Khususnya, kenaikan kadar ini jelas bagi tempoh matang 6 bulan dan 9 bulan, yang meningkat masing-masing kepada 3.31% dan 3.43% (S4 2005: masing-masing 3.04% dan 3.08%).

Kadar Faedah

	2005		2006
	S1	S4	S1
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	2.70	3.00	3.25
Kadar antara bank			
Semalaman	2.72	3.00	3.25
1 bulan	2.77	3.12	3.25
Kadar pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	5.98	6.20	6.47
Kadar pinjaman purata (ALR)			
Bank perdagangan	5.90	6.12	6.29
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
3 bulan	3.00	3.02	3.06
12 bulan	3.70	3.70	3.70

Penentu-penentu M3


	2005			2006
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
M3	26.4	10.8	49.7	16.5
Tuntutan bersih atas Kerajaan	-9.1	12.6	-5.5	2.8
Tuntutan atas sektor swasta	8.2	14.2	44.6	4.9
Operasi luar bersih[1]	29.0	-23.8	16.5	13.8
Pengaruh lain	-1.8	7.7	-6.0	-5.0

[1] Sebelum penilaian semula

Agregat monetari berkembang pada kadar lebih sederhana

Wang secara kecil atau M1 berkembang pada kadar tahunan 5.7% pada akhir suku pertama (S4 2005: 8.5%), sementara wang secara luas atau M3 meningkat 6.2% (S4 2005: 8%). Kadar pertumbuhan M3 yang lebih sederhana mencerminkan kenaikan kadar yang lebih perlahan dalam operasi luaran bersih.

Agregat Monetari: Pertumbuhan Tahunan



Namun begitu, pada suku pertama 2006, M3 meningkat lagi dengan pengembangan operasi luaran bersih. Tuntutan terhadap sektor swasta dan tuntutan bersih terhadap Kerajaan juga meningkatkan M3. Dalam hal tuntutan terhadap sektor swasta, peningkatan yang mapan dalam pinjaman terkumpul sistem perbankan diimbangi sebahagiannya oleh pegangan sekuriti oleh sistem perbankan yang lebih rendah.

Aktiviti pembiayaan sektor swasta kekal tinggi

Pada suku pertama 2006, pembiayaan kasar kepada sektor swasta daripada sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM138.3 bilion dan ia berkembang pada kadar tahunan sebanyak 3.3% (S4 2005: RM151.1 bilion; +7.8%). Pada asas suku tahunan, pembiayaan adalah lebih rendah berbanding dengan paras tinggi yang lazimnya dicatat pada suku keempat. Pada asas bersih, pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan 9.1% (S4 2005: 9.3%).


Secara agregat, penunjuk pinjaman utama mencatat paras yang lebih tinggi berbanding dengan suku yang sama tahun 2005. Dalam sektor perniagaan, permohonan dan kelulusan pinjaman adalah mapan, terutamanya bagi syarikat besar. Pengeluaran pinjaman kepada perusahaan perniagaan terus

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)		
	2005	S105	S4 05	S1 06	2005	S4 05	S1 06
Jumlah pembiayaan kasar	566.4	133.9	151.1	138.3	8.9	7.8	3.3
Pengeluaran pinjaman *	529.3	126.6	138.3	131.1	8.4	5.8	3.5
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	30.8	5.3	11.7	6.9	20.3	67.1	30.3
Ekuiti	6.3	2.0	1.0	0.4	-2.5	-55.0	-81.0
Jumlah pembiayaan terkumpul (A)+(B)	62.2	11.1	17.4	11.1	9.3	9.3	9.1
Sistem perbankan	46.3	8.1	13.5	9.9	8.5	8.5	8.7
Pinjaman terkumpul (A)	44.2	8.6	10.1	8.2	8.6	8.6	8.4
Pegangan PDS	2.1	-0.6	3.5	1.6	6.3	6.3	13.2
PDS terkumpul (B)	18.0	2.5	7.3	2.9	11.4	11.4	11.5
Memoranda							
PDS kasar (termasuk Cagamas)	15.2	5.5	15.2	10.6	-58.3	50.4	92.7

* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Pinjaman mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	2005	S1 05	S4 05	S1 06		
	RM bilion			%		
Perusahaan perniagaan	360.1	86.9	94.2	88.3	67.4	39.7
Syarikat besar *	*249.5*	*61.0*	*65.0*	*59.3*	*45.3*	*21.8*
PKS *	*110.7*	*25.9*	*29.2*	*29.0*	*22.1*	*17.9*
Isi rumah	145.2	33.9	37.6	35.3	26.9	55.2
Mengikut sektor						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	13.8	3.1	3.6	3.0	2.3	2.0
Perlombongan dan kuari	1.6	0.5	0.4	0.6	0.4	0.2
Perkilangan	127.0	30.9	31.8	30.0	22.9	10.9
Sektor harta benda yang luas	92.6	22.0	24.0	22.6	17.3	41.1
Pembinaan	*30.4*	*7.4*	*7.7*	*7.4*	*5.7*	*5.2*
Pembelian rumah kediaman	*38.5*	*9.2*	*9.7*	*9.0*	*6.9*	*27.0*
Pembelian harta tanah bukan kediaman	*14.7*	*3.5*	*3.9*	*3.5*	*2.6*	*6.3*
Harta tanah	*9.0*	*1.9*	*2.6*	*2.7*	*2.1*	*2.6*
Bekalan elektrik, gas dan air	7.1	1.4	1.9	1.8	1.3	0.9
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	97.5	22.3	25.5	23.8	18.2	8.3
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	9.8	1.9	2.4	2.7	2.0	1.8
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	35.7	11.1	9.8	9.5	7.3	5.7
Kredit penggunaan	100.8	23.0	26.5	24.5	18.7	22.4
Antaranya:						
Kad kredit	*42.7*	*10.0*	*11.7*	*11.4*	*8.7*	*3.0*
Pembelian kereta penumpang	*39.2*	*8.6*	*10.0*	*8.2*	*6.3*	*15.8*
Pembelian sekuriti	11.7	3.2	3.0	3.4	2.6	3.7
Pembelian kenderaan pengangkutan tidak termasuk kereta penumpang	0.7	0.2	0.1	0.2	0.1	0.4
Lain-lain	31.1	6.9	9.4	9.0	6.9	2.7
Jumlah	**529.3**	**126.6**	**138.3**	**131.1**	**100.0**	**100.0**

* Pada S1 2006, penunjuk pinjaman untuk PKS dan syarikat besar pada asas tahunan dan suku tahunan sebelumnya tidak dapat dibandingkan kerana terdapat beberapa pengelasan semula antara PKS dan syarikat besar, berikutan penerimaan pakai Definisi Standard PKS oleh institusi kewangan mulai bulan Mac 2006, seperti yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman


	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan %			
	2005	S1 05	S4 05	S1 06	2005	S1 05	S4 05	S1 06
Jumlah								
Permohonan pinjaman	305.4	68.4	72.1	70.2	11.7	16.9	6.4	2.7
Kelulusan pinjaman	192.2	42.7	47.7	45.5	10.7	14.8	10.4	6.7
Pengeluaran pinjaman	529.3	126.6	138.3	131.1	8.4	10.2	5.8	3.5
Bayaran balik pinjaman	489.2	117.9	129.2	121.6	6.0	4.8	7.1	3.1
Perubahan pinjaman terkumpul*	44.2	8.6	10.1	8.2	8.6	9.1	8.6	8.4
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan								
Permohonan pinjaman	158.5	36.3	36.7	36.3	5.7	19.0	-2.0	-0.1
Kelulusan pinjaman	92.0	20.1	23.6	21.5	8.4	16.7	9.2	7.1
Pengeluaran pinjaman	360.1	86.9	94.2	88.3	7.4	11.1	3.7	1.6
Bayaran balik pinjaman	343.7	82.6	91.9	83.6	7.5	9.3	8.7	1.2
Perubahan pinjaman terkumpul*	6.5	-0.1	-0.9	-0.7	3.0	2.8	3.0	2.7
PKS								
Permohonan pinjaman	59.7	13.1	12.9	10.9	10.3	24.4	-7.2	-17.0
Kelulusan pinjaman	34.5	8.1	7.5	7.5	9.2	42.0	-14.1	-8.3
Pengeluaran pinjaman	110.7	25.9	29.2	29.0	10.2	9.6	7.5	11.8
Perubahan pinjaman terkumpul*	7.7	1.2	1.5	5.2	8.7	10.5	8.7	13.2
Syarikat besar								
Permohonan pinjaman	98.8	23.2	23.8	25.4	3.2	16.2	1.1	9.3
Kelulusan pinjaman	57.5	12.0	16.2	14.1	8.0	4.0	24.9	17.6
Pengeluaran pinjaman	249.5	61.0	65.0	59.3	6.2	11.7	2.1	-2.7
Perubahan pinjaman terkumpul*	-1.2	-1.2	-2.4	-5.9	-0.9	-2.0	-0.9	-4.5
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	141.9	31.0	34.6	31.4	18.0	14.0	18.3	1.0
Kelulusan pinjaman	97.2	21.9	23.4	21.6	12.0	13.3	9.7	-1.0
Pengeluaran pinjaman	145.2	33.9	37.6	35.3	11.4	10.0	10.8	4.1
Bayaran balik pinjaman	115.1	28.1	29.9	30.7	7.6	4.6	7.3	9.3
Perubahan pinjaman terkumpul*	40.0	8.7	10.7	8.4	15.1	15.2	15.1	14.5

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.
** Pada S1 2006, penunjuk pinjaman untuk PKS dan syarikat besar pada asas tahunan dan suku tahunan sebelumnya tidak dapat dibandingkan kerana terdapat beberapa pengelasan semula antara PKS dan syarikat besar, berikutan penerimaan pakai Definisi Standard PKS oleh institusi kewangan mulai bulan Mac 2006, seperti yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan (33.9% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan kepada perusahaan perniagaan); perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel (27%); kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan (10.8%); dan pembinaan (8.4%). Pada akhir suku pertama 2006, jumlah pinjaman terkumpul kepada perusahaan perniagaan meningkat pada kadar tahunan sebanyak 2.7%, sementara NPL sebagai peratusan daripada pinjaman terkumpul kepada perusahaan perniagaan terus menurun kepada 11% (akhir S4 2005: 11.2%).

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Dalam sektor isi rumah, kecuali kelulusan pinjaman yang mencatat paras yang rendah sedikit berbanding dengan paras yang dicatat pada suku pertama 2005, penunjuk pinjaman yang lain mencatat paras yang lebih tinggi. Pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah didorong terutamanya oleh perbelanjaan kad kredit (32.3% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor isi rumah); pembelian harta kediaman (25.7%); dan pembelian kereta penumpang (23.4%). Pinjaman terkumpul kepada sektor isi rumah meningkat 14.5% pada asas tahunan. Sementara itu, nisbah NPL kepada pinjaman terkumpul sektor isi rumah stabil pada 7.4% pada akhir S1 2006 (akhir S4 2005: 7.5%).

Dana yang Diperoleh dalam Pasaran Modal


	2005			2006
	S1	S4	Tahun	S1
	RM juta			
Oleh Sektor Awam				
Sekuriti Kerajaan, *kasar*	4,000	6,500	28,276	5,265
Tolak Penebusan	-	4,850	15,800	500
Tolak Milikan Kerajaan	-	-	-	-
Bersamaan Penerimaan bersih Persekutuan	4,000	1,650	12,476	4,765
Khazanah Bon, *bersih*	833	-	833	(1,700)
Terbitan Pelaburan Kerajaan, *bersih*	2,000	(1,000)	1,000	-
Bon Simpanan Merdeka, *bersih*	357	397	1,516	(500)
Dana Bersih yang Diperoleh	7,190	1,047	15,825	2,564
Oleh Sektor Swasta				
Saham	2,009	1,043	6,315	381
Sekuriti Hutang	5,486	15,161	38,196	10,574
Sekuriti Hutang Swasta (PDS)	5,286	13,801	35,656	6,889
Cagamas	200	1,360	2,540	3,685
Tolak Penebusan	4,212	4,701	18,617	5,499
Terbitan bersih	1,274	10,461	19,579	5,075
Terbitan bersih (tidak termasuk Cagamas)	2,634	9,851	22,224	2,992
Dana bersih yang Diperoleh	3,282	11,504	25,894	5,456
Jumlah Dana Bersih yang Diperoleh	10,473	12,552	41,719	8,021
Kertas dan Nota jangka pendek, *bersih*[1]	587	456	1,579	1,312
Jumlah	11,059	13,008	43,297	9,333

[1] Merujuk kepada Nota Cagamas dan Kertas Perdagangan sahaja.

Pasaran modal berterusan sebagai sumber pembiayaan penting

Pasaran modal kekal sebagai sumber pembiayaan penting kepada ekonomi, menggembleng dana bersih sebanyak RM8 bilion pada suku pertama 2006 (S4 2005: RM12.6 bilion), dengan sejumlah besar daripada pembiayaan diperoleh daripada pasaran bon.

Terbitan PDS mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



Dalam pasaran sekuriti hutang swasta (PDS), pembiayaan kasar berjumlah RM10.6 bilion diperoleh 25 syarikat, terutama daripada sektor pembinaan dan perkhidmatan. Tidak termasuk Cagamas, dana yang diperoleh disalurkan terutamanya untuk membiayai aktiviti baru (78.2% daripada terbitan baru) dan pembiayaan semula hutang sedia ada (20.3% daripada terbitan baru). Setelah membuat pelarasan bagi penebusan sebanyak RM5.5 bilion, dana bersih yang diperoleh melalui pasaran PDS berjumlah RM5.1 bilion (S4 2005: RM10.5 bilion).

Dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti pada suku pertama berjumlah RM381 juta. Sejumlah besar dana telah diperoleh melalui lapan tawaran awam awal (IPO), yang bernilai RM306 juta. Pada suku pertama, lapan syarikat baru disenaraikan di Bursa Malaysia. Daripada lapan syarikat ini, satu disenaraikan di Papan Kedua dan tujuh dalam Pasaran MESDAQ.


Kerajaan memperoleh jumlah kasar sebanyak RM5.3 bilion melalui dua pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan satu terbitan MGS 10 tahun. Pada asas bersih, dana yang diperoleh sektor awam adalah

lebih tinggi pada suku pertama, iaitu berjumlah RM2.6 bilion (S4 2005: RM1.0 bilion).

Urus niaga sekunder lebih tinggi dalam pasaran bon


Dalam pasaran sekunder, jumlah urus niaga meningkat kepada RM75.5 bilion pada suku pertama (S4 2005: RM69.9 bilion). Sekuriti Kerajaan mencakupi 69% daripada jumlah urus niaga, diikuti jumlah sekuriti hutang swasta yang mencakupi 27.4% daripada jumlah urus niaga. Dari segi mudah tunai, bon GII dan MGS merupakan kertas yang paling cair, masing-masing mencatat nisbah mudah tunai 0.72 dan 0.26.

Arah Aliran Kadar Hasil MGS



tanda aras bagi MGS 10 tahun menurun sebanyak 12 mata asas pada suku pertama.

Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga / Nilai Terkumpul




Sepanjang suku pertama 2006, sentimen dalam pasaran bon terjejas oleh jangkaan peningkatan kadar faedah selanjutnya dalam suasana inflasi yang lebih tinggi. Kadar hasil tanda aras MGS jangka pendek meningkat semenjak bulan Februari, mencerminkan jangkaan pasaran tentang kenaikan kadar faedah. Di samping itu, kadar hasil juga dipengaruhi oleh kenaikan kadar hasil sekuriti Perbendaharaan AS berikutan kenaikan kadar Federal Fund. Sebaliknya, keluk jangka panjang mendatar sedikit kerana permintaan terhadap terbitan MGS 10 tahun baru secara relatif lebih tinggi daripada terbitan baru yang tersedia. Akibatnya, kadar hasil

Prestasi KLCI menunjukkan peningkatan

Sentimen pasaran bertambah baik meskipun terdapat kebimbangan terhadap kenaikan harga minyak mentah global dan inflasi dalam negeri. Sokongan yang mantap daripada kedua-dua institusi tempatan dan asing terus memberi kekuatan kepada pasaran. Pada suku pertama 2006, KLCI meningkat 26.84 mata (S4 2005: -27.75 mata), mengakhiri suku itu dengan lebih tinggi pada 926.63 (S4 2005: 899.79). Permodalan pasaran juga lebih tinggi, iaitu pada RM732.9 bilion (S4 2005: RM695.3 bilion). Aktiviti urus niaga meningkat dan mencatat urus niaga harian purata yang lebih tinggi, iaitu 779.5 juta unit pada suku pertama (S4 2005: 303.9 juta unit).

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih Pada Suku Pertama 2006 (30 Dis 2005 - 31 Mac 2006)



Bursa Malaysia: Urus Niaga Sekuriti Korporat

	2005						2006	
	S1		S4		Tahun		S1	
	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta
Urus niaga	30,042	56,261	18,541	35,264	102,338	177,321	45,988	53,671
Antaranya:								
Papan Utama	21,236	48,384	13,788	32,391	73,816	157,445	26,565	42,744
Antaranya:								
Produk Pengguna	1,018	3,117	647	1,863	3,694	10,197	1,808	4,834
Produk Perusahaan	4,829	5,767	1,633	2,020	12,150	14,143	3,147	3,133
Pembinaan	1,579	3,114	694	1,067	4,141	7,116	3,048	3,120
Perdagangan/Perkhidmatan	4,320	15,710	3,321	12,417	16,008	59,241	6,191	14,985
Kewangan	3,059	10,495	2,262	8,796	10,108	36,743	2,711	9,046
Harta benda	3,367	5,602	1,392	1,236	10,649	11,572	4,106	2,040
Perladangan	604	2,168	539	2,762	2,144	9,147	518	2,708
Perlombongan	0	1	0	1	0	10	0	1
Papan Kedua	5,537	5,586	1,708	1,175	15,161	12,289	5,837	4,532

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir			
	2005			2006
	S1	S4	Tahun	S1
Indeks Harga				
Komposit	871.35	899.79	899.79	926.63
EMAS	204.98	203.85	203.85	213.36
Papan Kedua	101.76	80.44	80.44	91.14
Urus niaga harian purata				
Jumlah (juta unit)	509.19	303.94	414.33	779.45
Nilai (RM juta)	949.41	578.09	716.91	909.67
Permodalan pasaran (RM b)	694.89	695.27	695.27	732.9
Bilangan syarikat yang disenaraikan	982	1,021	1,021	1,025


Sumber: Bursa Malaysia

Pada 26 Mei 2006, KLCI ditutup lebih tinggi, iaitu pada 930.75 (sejak akhir bulan Disember 2005: +3.4%) dengan permodalan pasaran meningkat kepada RM732.83 bilion (sejak akhir bulan Disember 2005: +5.4%).

Perkembangan Kadar Pertukaran Asing


Pada suku pertama 2006, ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama. Ringgit kukuh berbanding dengan dolar AS dalam keadaan prestasi akaun semasa yang teguh, aliran modal baru dan prospek ekonomi yang lebih cerah. Dolar AS menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang termasuk ringgit disebabkan persepsi pasaran bahawa skop kenaikan selanjutnya dalam kadar Federal Fund telah menjadi semakin terhad. Yen Jepun menyusut nilai berbanding dengan dolar AS dan juga ringgit dalam suasana ketidakpastian berikutan berakhirnya rangka kerja pelonggaran secara kuantitatif Bank of Japan, dan memandangkan kadar faedah tanda aras dibiarkan tidak berubah pada hampir sifar peratus.

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih
Peratus Pertukaran (1 Januari - 31 Mac 2006)




Pada tempoh yang sama, ringgit menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau dalam julat antara 0.3% - 5.4%, manakala menambah nilai sebanyak 1.9% berbanding dengan renminbi China. Rupiah Indonesia menambah nilai dalam keadaan aliran masuk dana asing yang berterusan ke dalam ekuiti dan aset berhasil tinggi. Baht Thailand menambah nilai berikutan spekulasi pasaran bahawa peningkatan kadar faedah tanda aras dan aliran masuk dana asing ke dalam ekuiti domestik akan berterusan. Won Korea dan peso Filipina menambah nilai ekoran penghantaran balik perolehan mata wang asing yang berterusan. Peso Filipina juga menambah nilai berikutan keyakinan pasaran terhadap kewangan kerajaan yang bertambah baik.

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Utama



Pada tempoh 1 April – 29 Mei 2006, ringgit terus bertambah kukuh berbanding dolar AS. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai dalam julat 1.5% - 4.8% berbanding dengan peso Filipina, rupiah Indonesia dan renminbi China, sementara menyusut nilai dalam julat 0.2% - 1.4% berbanding dengan won Korea, dolar Singapura dan baht Thai.

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Serantau



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh					% perubahan sejak*			
	30 Jun 97	02 Sep 98	S1 05	S4 05	S1 06	30 Jun 97	02 Sep 98	S1 05	S4 05
Dolar AS	2.5235	3.8000	3.8000	3.7800	3.6860	-31.5	3.1	3.1	2.6
Euro	-	-	4.9125	4.4867	4.4829	-	-	9.6	0.1
Paun sterling	4.1989	6.3708	7.1415	6.5226	6.4337	-34.7	-1.0	11.0	1.4
100 yen Jepun	2.2088	2.7742	3.5446	3.2229	3.1397	-29.6	-11.6	12.9	2.7
Dolar Singapura	1.7647	2.1998	2.3034	2.2714	2.2778	-22.5	-3.4	1.1	-0.3
100 baht Thai	9.7470	9.3713	9.7013	9.2049	9.4914	2.7	-1.3	2.2	-3.0
100 peso Filipina	9.5878	8.8302	6.9381	7.1254	7.2077	33.0	22.5	-3.7	-1.1
100 rupiah Indonesia	0.1038	0.0354	0.0401	0.0385	0.0407	155.3	-12.9	-1.4	-5.4
100 won Korea	0.2842	0.2827	0.3734	0.3739	0.3781	-24.8	-25.2	-1.2	-1.1
Renminbi China	0.3045	0.4594	0.4509	0.4686	0.4599	-33.8	-0.1	-2.0	1.9

* (+) menunjukkan pengukuhan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

PERKEMBANGAN DALAM SEKTOR PERBANKAN

Kedudukan kewangan sistem perbankan kukuh dan berdaya tahan pada suku pertama 2006 dalam keadaan permodalan dan keuntungan yang kukuh serta peningkatan dalam kualiti aset. Ini telah mengukuhkan lagi kedudukan sistem perbankan untuk menyalurkan pembiayaan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi.

Permodalan dikekalkan pada tahap yang kukuh

Tahap permodalan berterusan utuh meskipun mencatat penurunan. Nisbah modal yang lebih rendah disebabkan sebahagian besarnya oleh pembayaran dividen dan pengembangan aktiviti pemberian pinjaman. Pada akhir Mac 2006, nisbah modal wajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras (CCR) masing-masing terus berada pada tahap melebihi 13% dan 10%.

Sistem perbankan: Kedudukan Modal

	2005				2006
	S1	S2	S3	S4	S1
Modal					
CCR (%)	10.9	10.8	10.7	10.7	10.0
RWCR (%)	13.8	13.6	13.5	13.6	13.1


Keuntungan berterusan kukuh

Sistem perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai berjumlah RM3.2 bilion pada suku pertama 2006, iaitu penurunan sebanyak RM0.3 bilion, yang disebabkan terutamanya oleh pendapatan pelaburan daripada perolehan dividen yang lebih tinggi pada suku terakhir 2005. Walau bagaimanapun, paras keuntungan adalah lebih tinggi sebanyak 12.3% berbanding dengan suku yang sama tahun 2005. Ini dicapai hasil daripada pendapatan faedah bersih dan pendapatan berasaskan fi yang lebih tinggi berjumlah RM0.6 bilion, serta pendapatan bersih yang lebih tinggi daripada aktiviti perdagangan sebanyak RM0.1 bilion. Peningkatan ini lebih daripada mengimbangi perbelanjaan operasi yang lebih tinggi (+RM0.4 bilion atau+9.3%) dan kutipan balik pinjaman yang lebih rendah (-RM0.1 bilion atau -9.6%). Hasilnya, pulangan atas aset purata tidak berubah pada 1.3% manakala pulangan atas ekuiti purata menunjukkan peningkatan kepada 16.8% (S1 2005: masing-masing 1.3% dan 14.9%).

Trend NPL menurun berterusan

Kualiti aset sistem perbankan terus meningkat pada suku pertama dengan pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan menurun sebanyak 0.7% kepada RM24.4 bilion. Peningkatan itu disebabkan terutamanya oleh pengelasan semula NPL kepada status berbayar (+24.4), kutipan balik pinjaman (+17.4%) dan hapus kira (+15.3%). Hasilnya, nisbah NPL bersih menurun ke paras terendah sebanyak 4.5% sejak krisis kewangan Asia (S4 2005: 4.6%). Di samping itu, NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan mencatat penurunan sebanyak 0.7% kepada RM31 bilion atau 5.7% daripada jumlah pinjaman bersih (S4 2005: 5.8%). NPL bagi sektor PKS mencatat pertambahan sebanyak RM0.4 bilion untuk mencakupi 10.4% daripada pinjaman PKS disebabkan terutamanya oleh penerimapakaian definisi PKS yang lebih luas[1] (seperti yang disahkan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan) oleh beberapa institusi perbankan. Sementara itu, NPL bagi sektor isi rumah masih pada 7.4% daripada jumlah pinjaman isi rumah.

Sistem perbankan: Pinjaman tidak berbayar



[1] Definisi PKS berbeza mengikut sektor ekonomi dan mempunyai liputan yang lebih luas berikutan langkah mendefinisikan semula kriteria kelayakan sama ada bilangan pekerja sepenuh masa atau pusing ganti jualan tahunan.

Sidang Kemuncak Kewangan Islam Tahunan Kelima 24 Januari 2006, London

"Ke arah Mengembangkan Kewangan Islam sebagai Komponen Penting Sistem Kewangan Antarabangsa"

Ucapan Pembukaan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati kerana dapat berada di London untuk berucap di Sidang Kemuncak Kewangan Islam Tahunan kelima anjuran Euromoney. Kejayaan cemerlang yang dicapai oleh kewangan Islam dengan dimensi antarabangsanya yang kini semakin penting, berjaya mendapat tempat dalam persekitaran global yang mencabar pada hari ini. Kini, kewangan Islam telah pun berkembang untuk menjadi satu bahagian yang penting daripada sistem kewangan antarabangsa yang penting. Dengan bertambah pesatnya proses integrasi kewangan antarabangsa ini, ia bukan sekadar memperluas potensi kewangan Islam untuk menyumbang kepada peningkatan prospek pertumbuhan global yang lebih seimbang melalui pembentukan perdagangan dan kekayaan yang lebih besar, malah ia juga boleh menyumbang ke arah peningkatan kestabilan kewangan global melalui pemudahan pempelbagaian risiko yang lebih meluas.

Evolusi Pesat Industri Perkhidmatan Kewangan Islam Global

Lima tahun yang lalu, pembangunan kewangan Islam masih dianggap sebagai industri muda yang berusaha untuk membuktikan daya maju dan daya saingnya dalam persekitaran kewangan global. Pertumbuhan kewangan Islam pada ketika itu lebih berbentuk pertumbuhan semula jadi dan tertumpu terutamanya di negara-negara yang ketara jumlah warga Islamnya. Dalam banyak aspek, kewangan Islam tertakluk kepada standard pengawalseliaan dan perakaunan konvensional. Di samping itu, perbezaan pendapat mengenai beberapa isu yang belum selesai memerlukan usaha pengharmonian yang lebih mantap. Malahan, timbul juga kebimbangan mengenai potensi masa depan kewangan Islam di kalangan badan pengawal selia, pengguna, komuniti perniagaan dan pelabur.

Namun demikian, sepanjang lima tahun kebelakangan ini, industri kewangan Islam mengalami evolusi dan pengembangan yang pesat. Kini, kewangan Islam diiktiraf sebagai satu bentuk pengantara kewangan yang berdaya maju dan kompetitif bukan sahaja di negara Islam, malahan di luar dunia Islam juga dan menawarkan rangkaian produk dan perkhidmatan kewangan yang meluas. Lesen dikeluarkan untuk memudahkan penubuhan bank-bank Islam termasuk di negara perindustrian barat. Turut bertambah ialah bilangan institusi perbankan konvensional antarabangsa yang menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam melalui subsidiari khusus atau cawangan dan juga melalui pengaturan jendela. Di samping itu, negara yang mempunyai kelompok penduduk Islam, khususnya di rantau Asia, kini mengkaji prospek menyediakan akses kepada perkhidmatan kewangan Islam untuk menggalakkan penyertaan yang lebih menyeluruh. Trend ini terserlah bukan sahaja dari sudut bilangan institusi kewangan Islam, bahkan dari segi institusi yang mempunyai modal lebih besar dan mempunyai rangka kerja tadbir urus operasi yang lebih mantap, termasuk pengurusan risiko. Institusi kewangan Islam yang sebelum ini hanya

beroperasi dalam negara mereka sahaja, kini telah mula melebarkan sayap ke luar negara untuk meneroka peluang pertumbuhan baru di rantau lain dan memupuk hubungan rentas sempadan yang lebih luas.

Minat kerajaan dan syarikat multinasional dalam terbitan sukuk Islam dalam pasaran modal Islam semakin berkembang. Di peringkat antarabangsa, terbitan sukuk Islam global berdaulat yang pertama oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 2002 telah disusuli oleh beberapa siri terbitan yang lain. Syarikat dan institusi pembangunan pelbagai hala telah juga mula menerbitkan instrumen kewangan Islam dan hasilnya, rangkaian produk dalam pasaran modal antarabangsa bertambah. Kini, nilai sukuk Islam melebihi USD15 bilion. Sukuk Islam telah berjaya menarik minat pelbagai golongan pelabur. Demi mendalamkan pasaran modal kami, pada tahun 2004 Malaysia melonggarkan peraturan pentadbiran pertukaran asing untuk membenarkan syarikat multinasional dan agensi pelbagai hala untuk menerbitkan sekuriti dalam denominasi ringgit dalam pasaran bon domestik kami. Sejak itu, institusi kewangan pelbagai hala termasuk International Finance Corporation dan Bank Dunia menerbitkan instrumen berasaskan Islam dalam denominasi ringgit. Kami mengalu-alukan kemunculan dan terbitan instrumen kewangan Islam di Malaysia.

Perkembangan dalam pengurusan aset dan kekayaan Islam juga luar biasa, hasil daripada struktur dana pelaburan Islam yang pelbagai dan inovatif, termasuk dana lindung nilai Islam. Pada masa ini, dianggarkan terdapat lebih daripada 250 dana bersama yang mematuhi Syariah, yang menguruskan aset bernilai kira-kira USD300 bilion. Teknik saringan pematuhan Syariah telah dapat meningkatkan pulangan terlaras risiko atas dana pelaburan Islam, yang seterusnya mendorong penerimapakaian teknik itu bagi meningkatkan pulangan terlaras risiko bagi dana ekuiti konvensional. Indeks tanda aras seperti *Dow Jones Islamic Market Indexes* dan *Financial Times Stock Exchange Global Islamic Index Series* dalam pasaran ekuiti antarabangsa, dan penyenaraian instrumen kewangan Islam dalam bursa antarabangsa telah menyumbang kepada usaha mendalamkan pasaran kewangan Islam sebagai kelas aset yang menarik untuk pelaburan.

Dari sudut pengawalseliaan, peraturan dan pengawalseliaan antarabangsa yang standard bagi institusi kewangan Islam yang kini dikeluarkan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board atau IFSB) akan menjadi penting dalam memastikan secara efektif kestabilan dan kekukuhan sistem itu. Dua standard penting, iaitu standard kecukupan modal dan pengurusan risiko telah diluluskan oleh Majlis IFSB pada tahun 2005. Kedua-dua standard ini mengambil kira aspek risiko yang berkaitan dengan kontrak yang berbeza dalam perniagaan perbankan Islam. Peruntukan caj modal yang wajar atas pengaturan perkongsian keuntungan dan pengenalan penyamaan keuntungan serta rizab risiko pelaburan merupakan elemen pengurangan risiko bagi memastikan kekukuhan perniagaan perbankan Islam. Usaha berterusan dalam bidang proses kajian semula penyeliaan, disiplin pasaran, tadbir urus korporat dan ketelusan akan melengkapkan rangkaian standard kehematan dan penyeliaan institusi kewangan Islam. Pertambahan bilangan penyertaan dalam IFSB dari seluruh dunia mencerminkan minat komuniti kewangan global yang semakin meningkat untuk melibatkan diri pada peringkat permulaan pembangunan standard pengawalseliaan kewangan Islam. Selain perkembangan ini, pembaharuan pengawalseliaan dan perundangan juga sedang dibuat di beberapa negara untuk disesuaikan dengan ciri yang unik dalam urus niaga kewangan Islam bagi menyokong pembangunan kewangan Islam yang progresif.

Arkitektur kewangan antarabangsa bagi kewangan Islam telah menjadi kukuh hasil penambahbaikan keinstitusian ini dan juga hasil pertumbuhan ketara dalam pasaran kewangan Islam dan pembangunan infrastruktur kewangan sokongan. Kini, pusat kewangan antarabangsa yang terkemuka

turut memasukkan pembangunan kewangan Islam sebagai sebahagian daripada agenda mereka. Persada antarabangsa turut menyaksikan kemunculan beberapa pusat kewangan Islam baru, dengan industri perkhidmatan kewangan Islam yang inovatif dan kompetitif sedang berkembang. Dengan sokongan infrastruktur kewangan Islam yang komprehensif di Malaysia dan kepelbagaian peserta kewangan Islam berikutan bertambahnya liberalisasi dalam sektor kewangan Islam baru-baru ini, Malaysia kian muncul sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa.

Cabaran utama yang mendatang

Meskipun kewangan Islam telah mencapai kemajuan yang penting, terdapat beberapa cabaran utama yang perlu ditangani supaya pembangunan kewangan Islam dalam sistem kewangan global kekal mapan. Ulasan saya akan tertumpu pada empat daripada cabaran itu.

Pembangunan sistem kewangan Islam yang teguh di peringkat nasional

Pertama, terdapat cabaran untuk membangunkan sistem kewangan Islam yang teguh di peringkat nasional. Agak ketara perbezaan tahap pembangunan kewangan Islam di kalangan negara. Sementara tahap pembangunan kewangan Islam di beberapa negara agak maju, namun di negara-negara lain pula, kemajuan yang lebih bermakna masih belum dicapai. Bagi memupuk hubungan antarabangsa dan urus niaga melangkaui sempadan yang lebih meluas, tahap pembangunan kewangan Islam perlu mencapai tahap pembangunan dan kecanggihan tertentu. Ini memerlukan pembangunan sistem kewangan Islam yang teguh, yang merangkumi pengantara kewangan perbankan Islam dan bukan bank Islam serta pasaran kewangan Islam, yang menawarkan pelbagai produk kewangan Islam yang disokong oleh infrastruktur kewangan Islam yang maju.

Perumusan pelan induk sepuluh tahun bagi industri perkhidmatan kewangan Islam oleh Bank Pembangunan Islam dan IFSB merupakan langkah penting dalam membentuk rangka tindakan bagi menerajui pembangunan kewangan Islam secara sistematik dan terselaras merentas negara bagi mencapai satu matlamat yang sama, iaitu mewujudkan industri perkhidmatan kewangan Islam yang mantap dan komprehensif. Lima tahun yang lalu, Malaysia melancarkan Pelan Induk Sektor Kewangan yang merangkumi hala tuju strategik bagi pembangunan masa depan kewangan Islam di Malaysia. Hari ini, gagasan itu menemui kejayaan berupa kemajuan yang dicapai oleh Malaysia.

Malaysia kini telah membangunkan sistem kewangan Islam domestik yang komprehensif, yang pelbagai dari segi institusi, pasaran dan peserta. Strateginya ialah menubuhkan rantaian sistem kewangan keseluruhan untuk memastikan sistem berkenaan berfungsi dengan lancar. Inisiatif yang diambil termasuk menubuhkan institusi kewangan yang diperlukan, termasuk institusi perbankan Islam, industri takaful, institusi bukan perbankan, dan membangunkan pasaran wang dan modal Islam. Baru-baru ini, komponen-komponen ini telah melalui proses liberalisasi secara berperingkat-peringkat untuk menjadikannya lebih bersepadu dengan sistem antarabangsa. Infrastruktur kewangan sokongan termasuk rangka kerja pengawalseliaan mantap yang diperkukuh oleh rangka kerja perundangan dan Syariah, sistem pembayaran dan penyelesaian, pembangunan kumpulan bakat serta mekanisme bagi operasi mudah tunai Bank Negara Malaysia sebagai sebahagian daripada pengendalian dasar monetari.

Pembangunan pasaran kewangan Islam antarabangsa yang efisien dan aktif

Cabaran kedua adalah untuk terus memajukan pembangunan pasaran kewangan Islam antarabangsa yang efisien dan aktif. Pasaran kewangan Islam

antarabangsa yang benar-benar maju meningkatkan kecairan instrumen dan kapasiti pengurusan risiko peserta. Ini akan menggalakkan pasaran untuk berfungsi dengan efisien, dan dengan itu memudahkan aliran modal dan seterusnya memperkukuh integrasi global. Oleh itu, inisiatif yang terselaras adalah penting untuk merangsang pembangunan pasaran kewangan Islam antarabangsa yang efisien dan mantap. Kemapanan penawaran sukuk secara tetap perlu dipastikan. Penyertaan penerbit sukuk, termasuk organisasi pelbagai hala, kerajaan dan syarikat multinasional, akan menyumbang kepada proses ini. Di Malaysia, pasaran bon domestik kini mencakupi 80% daripada KDNK, dengan 44% daripada sekuriti adalah berasaskan Islam.

Prasyarat asas adalah untuk menggalakkan inovasi dalam pembangunan pelbagai jenis instrumen pasaran kewangan Islam. Ini termasuk instrumen berciri pemilikan ekuiti, sekuriti Islam bersandarkan aset, pemasukan bentuk penambahbaikan kredit yang dibenarkan dan juga instrumen pengurangan risiko yang mematuhi Syariah. Pembangunan pasaran derivatif Islam untuk lindung nilai diperlukan bagi aktiviti penciptaan pasaran demi menyokong pembangunan pasaran sekunder. Oleh itu, penyelidikan dan pembangunan perlu dipergiat. Dana Syariah yang ditubuhkan oleh Malaysia baru-baru ini adalah untuk menyokong aktiviti penyelidikan dalam bidang-bidang ini. Inisiatif ini juga adalah untuk memudahkan dialog tahunan di kalangan ahli Syariah antarabangsa. Dialog ini bertujuan menyediakan platform bagi perbincangan mengenai keserasian Syariah dalam instrumen dan pasaran kewangan Islam yang baru dibangunkan.

Prasyarat lain adalah untuk memastikan adanya mudah tunai yang mencukupi bagi menyokong pengantaraan dana dalam sistem kewangan Islam. Sememangnya permintaan terhadap operasi jendela diskaun Bank Pusat tidak dinafikan akan wujud. Oleh itu, bank-bank pusat perlu mempunyai instrumen kewangan Islam yang mencukupi untuk digunakan pada bila-bila masa bagi mengurus keadaan mudah tunai dalam sistem kewangan Islam. Ini merupakan bidang yang masih belum dibangunkan sepenuhnya. Sehubungan dengan ini, Malaysia telah membangunkan instrumen monetari Islam yang merangkumi instrumen kewangan Islam kerajaan dan Bank Negara Malaysia. Kami juga mempunyai mekanisme penjelasan dan penyelesaian yang khusus bagi memastikan sistem kewangan Islam berfungsi dengan lancar. Untuk menambah lagi rangkaian instrumen kewangan Islam yang sedia ada, Bank Negara Malaysia akan menerbitkan sekuriti Ijarah pada bulan Februari ini untuk terus memenuhi keperluan peserta pasaran Islam dalam pasaran wang Islam domestik dan juga untuk tujuan pengendalian dasar monetari. Mempunyai rangka kerja pengawalseliaan dan perundangan yang sesuai adalah sama penting untuk menyokong pembangunan instrumen dan pasaran kewangan Islam demi memastikan pelabur dilindungi, integriti pasaran dijunjung dan risiko sistemik dibendung.

Penerapan standard IFSB

Cabaran ketiga pula adalah untuk memastikan penerapan standard IFSB. Pada bulan Disember 2005, Majlis IFSB meluluskan standard kecukupan modal dan pengurusan risiko yang dijadualkan dilaksanakan pada tahun 2007. Oleh itu, institusi kewangan Islam perlu dilengkapkan dengan kapasiti dan infrastruktur yang diperlukan untuk menentukan wajaran risiko masing-masing dan memperuntukkan jumlah modal pengawalseliaan yang wajar pada setiap peringkat urus niaga kewangan Islam yang berbeza. Pengecualian aset wajaran risiko yang dibiayai oleh akaun pelaburan perkongsian keuntungan daripada pengiraan keperluan modal pengawalseliaan telah menyebabkan penekanan akan perlunya infrastruktur yang komprehensif dalam institusi kewangan Islam bagi mengasingkan dengan jelas akaun pelaburan perkongsian keuntungan terhad dan tidak terhad daripada akaun bukan perkongsian keuntungan dan dana pemegang saham, dan juga untuk mengesan aliran dalam pembiayaan dan transaksi pelaburan masing-masing. Oleh

itu, pelaburan strategik dalam sistem teknologi maklumat dan pengurusan risiko yang canggih merupakan teras kepada proses ini.

Pihak berkuasa penyeliaan perlu dilengkapkan dengan kemahiran khusus untuk membuat penilaian yang betul mengenai tahap keterdedahan institusi kewangan Islam kepada risiko dan keberkesanan infrastruktur pengurusan risiko dalam institusi kewangan Islam dalam mengurangkan risiko-risiko ini.

Pembangunan kumpulan bakat yang mencukupi dalam bidang kewangan Islam

Akhirnya pembangunan kumpulan pengamal kewangan Islam yang mempunyai kemahiran yang sesuai dan yang mencukupi perlu diberi keutamaan paling tinggi. Bidang kewangan Islam memerlukan set kemahiran yang unik. Perlu teradun pengetahuan kewangan yang betul dengan tunggak berupa pemahaman mengenai Syariah. Prinsip Syariah hendaklah tertanam dalam setiap aspek operasi institusi kewangan Islam, termasuk reka bentuk produk kewangan dan struktur pembiayaan, kontrak kewangan dan pelaksanaannya, pengurusan mudah tunai dan kunci kira-kira, pengurusan risiko dan juga pengurusan aset dan kekayaan. Pendukungan prinsip Syariah perlu dihayati daripada peringkat tertinggi, termasuk di peringkat lembaga pengarah dan pengurusan kanan, yang menyediakan hala tuju strategik bagi institusi kewangan Islam, sehinggalah ke peringkat operasi. Dasar dan amalan yang baik yang berlandaskan prinsip Syariah akan membentuk sistem kewangan Islam menjadi sistem kewangan yang jelas beretika dan menggalakkan kesaksamaan ekonomi.

Justeru, Malaysia kini dalam proses menubuhkan Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) demi mencapai matlamat menyediakan rumusan pengurusan bakat menyeluruh bagi industri perkhidmatan kewangan Islam global dan untuk memenuhi keperluan pendidikan pengamal kewangan Islam di pelbagai peringkat yang berbeza, termasuk ahli profesional dan pakar dalam kewangan Islam. INCEIF akan mula beroperasi pada bulan Mac tahun ini dan menawarkan program pensijilan profesional dalam kewangan Islam. INCEIF juga akan membentuk pakatan strategik dengan institusi pengajian tempatan dan luar negara untuk menawarkan program lepasan ijazah, iaitu Sarjana dan Doktor Falsafah dalam Kewangan Islam dalam bidang pengkhususan tertentu. Sebuah persatuan profesional bagi ahli profesional kewangan Islam akan juga ditubuhkan untuk lepasan INCEIF bagi mengikuti perkembangan terkini dalam kewangan Islam.

Kesimpulan

Daya maju, daya saing dan kemapanan kewangan Islam dalam persekitaran global yang mencabar ini tentunya berpaksikan pembinaan asas yang membolehkan kewangan Islam terus maju ke hadapan. Integrasi kewangan Islam ke dalam sistem kewangan antarabangsa akan terus memperkukuh hubungan ekonomi dan kewangan global dan dengan itu membuka sempadan baru ke arah mencapai pertumbuhan global yang lebih seimbang dan perkongsian kemakmuran global yang lebih saksama.

Persidangan Perbankan Islam Antarabangsa Kedua: Pengurusan Risiko, Pengawalan dan Penyeliaan 7 Februari 2006, Kuala Lumpur

"Membina Sistem Kewangan Islam yang Teguh"

Ucap Utama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan selamat datang kepada para peserta Persidangan Kewangan Islam Antarabangsa Kedua: Pengurusan Risiko, Pengawalan dan Penyeliaan anjuran bersama Institut Penyelidikan dan Latihan Islam (IRTI) Bank Pembangunan Islam (IDB) dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB). Forum ini memainkan peranan penting bukan hanya untuk memupuk penyebaran ilmu dan pertukaran pengalaman dalam bidang pengurusan risiko, pengawalan dan penyeliaan, tetapi juga untuk memudahkan pemahaman tentang masalah yang kita hadapi, dan seterusnya menyumbang ke arah usaha memajukan pembangunan industri. Keupayaan pengurusan risiko yang efektif sangatlah penting dalam persekitaran kewangan global yang semakin mencabar dengan ketidakpastian yang memuncak dan kemungkinan kelemahan kewangan yang semakin meningkat. Di samping itu, pengawalan dan penyeliaan yang efektif akan memastikan kekukuhan dan kestabilan sistem itu. Dalam dekad sebelum ini, sistem kewangan Islam mengalami pertumbuhan dan transformasi yang memberangsangkan, yang telah menyerlahkan potensinya sebagai satu bentuk pengantaraan kewangan yang kompetitif. Kini, kewangan Islam merupakan industri yang bernilai berbilion dolar dengan pelbagai produk dan perkhidmatan yang komprehensif, yang memberikan perkhidmatan kepada pelbagai golongan pengguna dan perusahaan perniagaan yang melangkau dunia Islam.

Dalam usaha membangunkan sistem kewangan Islam, tumpuan perlu diberikan terhadap prasyarat yang akan memudahkan pengembangan sistem secara efisien. Yang paling utama ialah pembangunan institusi, pasaran, pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan dan wujudnya rangka kerja perundangan, pengawalan, penyeliaan, perakaunan dan Syariah, serta keupayaan pihak berkuasa monetari untuk menguruskan dasar kewangannya dalam konteks ini.

Dengan kemajuan ketara dicapai dalam membangunkan komponen berkenaan, kini kita lihat industri perkhidmatan kewangan Islam memasuki fasa pembangunan yang baru. Berikutan liberalisasi yang meningkat, kemajuan dalam pembangunan arkitektur kewangan antarabangsa bagi kewangan Islam dan peningkatan inovasi yang menghasilkan produk dan perkhidmatan baru, dimensi antarabangsa kewangan Islam semakin penting.

Institusi kewangan Islam kini juga memperluas operasinya merentas sempadan domestik. Sekuriti kewangan berasaskan Islam juga diterbitkan dalam pasaran kewangan antarabangsa, yang menjana minat yang ketara daripada pelabur global. Arkitektur kewangan antarabangsa bagi pembangunan kewangan Islam juga telah diperkukuh dengan pembentukan badan penetapan piawaian antarabangsa untuk merumus piawaian perakaunan dan kehematan. Perkembangan ini secara kumulatif telah menjadikan sistem kewangan Islam satu komponen yang semakin penting dalam sistem kewangan antarabangsa.

Pengalaman Malaysia adalah untuk membangunkan sistem kewangan Islam

domestik yang komprehensif, yang pelbagai dari segi institusi, pasaran dan peserta. Strategi kita adalah untuk mewujudkan rantaian sistem kewangan keseluruhan bagi memastikan sistem kewangan Islam berfungsi dengan efisien. Inisiatif ini merangkumi usaha menubuhkan institusi kewangan yang diperlukan termasuk institusi perbankan Islam, syarikat takaful, institusi bukan perbankan dan membangunkan pasaran wang dan modal Islam. Komponen berkenaan telah diliberalisasikan secara beransur-ansur baru-baru ini dari segi membenarkan penyertaan peserta asing baru dan dari segi meningkatkan potensi penyertaan asing dalam pasaran kewangan domestik. Selain itu, operasi domestik dan asing ini digalakkan untuk merebut peluang perniagaan serantau dan antarabangsa. Langkah ini telah memperkukuh hubungan kewangan merentas sempadan, lantas menggalakkan integrasi antarabangsa dengan lebih meluas. Untuk memastikan sistem berfungsi dengan teguh, perkembangan ini disokong oleh rangka kerja pengawalseliaan yang diperkukuh oleh rangka kerja perundangan dan Syariah serta sistem pembayaran dan penyelesaian.

Sementara pertumbuhan dan perkembangan positif sistem kewangan Islam membuka peluang yang lebih meluas, liberalisasi kewangan dan kemajuan teknologi pula meningkatkan persaingan dan meluaskan inovasi dalam pembangunan produk dan perkhidmatan, proses operasi dan saluran penyampaian. Perkembangan ini menyumbang kepada peningkatan profil risiko institusi. Secara amnya, risiko baru ini lebih rumit dan memberikan implikasi sistemik yang mendalam kepada sistem kewangan. Ini meningkatkan keperluan kepada keupayaan pengurusan risiko yang lebih kukuh oleh industri dan lebih perhatian terhadap aspek ini oleh pengawal selia dalam memastikan kestabilan dan integriti sistem kewangan. Justeru, adalah penting bagi kita memastikan pemahaman dan kesedaran tentang risiko yang wujud dalam aktiviti perbankan Islam. Cabaran bagi kita adalah untuk memastikan kewujudan setiap komponen yang menyokong keperluan pengurangan risiko, yang terdiri daripada rangka kerja dan infrastruktur keinstitusian, perundangan, pengawalan, penyeliaan serta infrastruktur Syariah.

Ucapan saya pagi ini akan memberi tumpuan pada cabaran pengurusan risiko dalam institusi perbankan Islam, dan peranan pengawalan dan penyeliaan yang efektif dalam konteks ini sebagai sebahagian daripada langkah untuk menggalakkan perkembangan sistem kewangan Islam yang teguh dan mantap.

Dalam perbankan Islam, pengurusan risiko menjadi lebih mencabar kerana keunikan sifat risikonya dan keperluan kepatuhan kepada prinsip Syariah. Walaupun inisiatif Basel II mengenai pengenalpastian risiko kredit, pasaran dan operasi boleh dilaksanakan dalam perbankan Islam, inisiatif ini perlulah dilengkapi dengan mengambil kira dimensi risiko lain yang wujud dalam urus niaga kewangan Islam. Infrastruktur pengurusan risiko dalam institusi kewangan Islam perlu mengenal pasti, membongkar, mengukur, mengawal dan memantau semua risiko khusus dalam urus niaga dan instrumen kewangan Islam. Ini adalah untuk memastikan bahawa sistem dan kawalan akan menjadi efektif dalam kuantifikasi dan pengurusan risiko yang timbul daripada operasi itu.

Inovasi baru dalam teknologi menjadi semakin penting khususnya bagi mempertingkatkan keupayaan mengurus risiko. Selain itu, memandangkan pulangan dalam perbankan Islam adalah tidak pasti dan hanya boleh ditentukan pada asas *ex-post*, sistem teknologi maklumat yang maju perlu untuk membolehkan institusi perbankan Islam membuat unjuran bagi pulangan pada masa hadapan supaya dapat mengurangkan tahap ketidakpastian dalam pulangan yang akan dibayar kepada pendeposit. Ini juga akan mengukuhkan potensi daya saing industri perkhidmatan kewangan Islam.

Satu lagi aspek pengurusan risiko ialah keperluan industri perbankan Islam untuk membangunkan pasaran derivatif.

Persekitaran kewangan global yang semakin tidak pasti pada masa ini menghendaki pelabur sentiasa bersedia untuk mengurangkan dan mengurus risiko yang baru muncul. Institusi perbankan Islam khususnya, mempunyai sebahagian besarnya aset jangka panjang termasuk gadai janji perumahan Islam jangka panjang dan instrumen kewangan Islam, yang dibiayai oleh deposit jangka pendek, yang menyebabkan ketidakpadanan kematangan antara aset dengan liabiliti. Oleh itu, pembangunan instrumen pasaran kewangan Islam yang lebih pelbagai adalah perlu bagi menyediakan industri dengan instrumen pengurangan risiko yang efektif.

Selain pasaran derivatif, sistem kewangan Islam juga memerlukan pasaran wang dan modal yang lebih dalam dan efisien untuk memudahkan pengurusan aset dan liabiliti, dan mudah tunai yang kukuh oleh institusi kewangan Islam. Selain instrumen Islam yang sedia ada, Bank Negara Malaysia akan menerbitkan *sukuk Ijarah* bagi memenuhi keperluan peserta dalam pasaran wang Islam.

Teras sistem kewangan Islam yang kukuh dalam mana-mana negara memerlukan rangka kerja pengawalseliaan yang utuh bagi menguatkuasakan piawaian kecukupan modal, memastikan amalan pengurusan risiko yang efektif, penzahiran kewangan dan tadbir urus, yang diperkukuh oleh rangka kerja Syariah dan perundangan yang mantap. Prinsip Syariah bertindak sebagai mekanisme pengawalseliaan kendiri yang melindungi institusi kewangan Islam daripada aktiviti tidak produktif, spekulatif dan tidak beretika, lantaran larangan faedah atau *riba* dalam perniagaan perbankan, dan keperluan supaya semua urus niaga kewangan mesti disertai oleh urus niaga jual beli dan urus niaga berkaitan perniagaan yang tulen dan larangan daripada terlibat dalam aktiviti yang menyalahi undang-undang dan tidak beretika. Oleh itu, rangka kerja pengawalseliaan perbankan Islam berupaya menjana kekuatan daripada injunksi Syariah, untuk memperkukuh kemantapan dan kestabilan sistem perbankan Islam.

Di Malaysia, institusi perbankan Islam dikehendaki menubuhkan jawatankuasa Syariah dalam institusi masing-masing untuk memastikan produk dan perkhidmatan yang diperkenalkan mematuhi kehendak Syariah. Di samping itu, penekanan juga tertumpu pada fungsi audit dalaman bagi memastikan semua urus niaga yang dijalankan oleh institusi perbankan Islam mematuhi prinsip Syariah.

Dalam merangka dan melaksanakan pengawalseliaan kewangan bagi institusi perbankan Islam, cabaran yang dihadapi adalah bagi melaksanakan rangka kerja yang mengambil kira ciri unik perniagaan perbankan Islam, tanpa menjadikan ia beban pengawalseliaan dan menyekat potensi pertumbuhannya atau memberi peluang berlakunya arbitraj antara sistem kewangan konvensional dengan sistem kewangan Islam. Dalam usaha membina rangka kerja kehematan perbankan Islam yang teguh, penjajaran keperluan modal pengawalseliaan kepada risiko asas memerlukan pendikotomian kerumitan risiko dalam portfolio aset perbankan Islam, memandangkan struktur aset institusi perbankan Islam, seperti kepelbagaian struktur pembiayaan Islam, yang terdiri daripada aktiviti jualan berisiko rendah dan mod berasaskan pajakan sehinggalah kepada mod kewangan berasaskan ekuiti berisiko lebih tinggi. Kerumitan memprofil risiko dalam perbankan Islam semakin bertambah kerana risiko ini boleh berubah dari satu jenis ke jenis yang lain di pelbagai peringkat kontrak. Contohnya, dalam kontrak *Musyarakah Mutanaqisah*, institusi kewangan Islam pada awalnya bertindak sebagai pemilik bersama aset, namun pemilikan aset akan berpindah sepenuhnya kepada pelanggan setelah tamat tempoh kontrak. Dalam hal ini, institusi kewangan Islam terdedah kepada risiko pasaran dan risiko terjejas, yang lebih tinggi di peringkat awal urus niaga berbanding dengan pendedahan di peringkat akhir kontrak. Pada masa yang sama, jumlah pembayaran balik oleh pelanggan merupakan risiko kredit kepada institusi kewangan Islam. Memandangkan setiap satu daripada bahagian urus niaga ini mempunyai sifat

intrinsik yang tersendiri, ia melibatkan tahap risiko kredit, pasaran dan operasi yang berlainan. Dalam hal ini, untuk merumus piawaian kehematan institusi perbankan Islam, perlu ada penilaian tepat atas pelbagai variasi risiko yang mendasari bahagian-bahagian urus niaga yang berkenaan untuk menentukan keperluan kecukupan modal. Ini penting bagi memastikan kestabilan sistem kewangan secara keseluruhan.

Struktur liabiliti bank-bank Islam pula dicirikan oleh dua kategori deposit yang berbeza iaitu deposit bukan *Mudharabah* yang tidak tertakluk kepada risiko berkaitan dengan perniagaan perbankan, yang deposit pokok dijamin, dan deposit *Mudharabah* atau deposit pelaburan yang melibatkan risiko dan perkongsian keuntungan yang diperoleh daripada perniagaan perbankan. Memandangkan pulangan tidak ditetapkan terlebih dahulu, sebagai pengeluar modal, pendeposit perkongsian untung institusi perbankan Islam juga akan terdedah kepada kerugian. Ini meletakkan tahap risiko fidusiari yang lebih tinggi atas institusi perbankan Islam untuk memastikan dana deposit pelaburan ini diuruskan dengan cara yang paling efektif dan efisien. Risiko fidusiari bertambah ekoran persaingan dalam pengurusan mudah tunai dalam sistem. Perkongsian untung yang diagihkan perlu kompetitif berbanding dengan pendapatan faedah yang diperoleh dan dibayar oleh bank konvensional. Ini penting untuk mengelakkan perpindahan deposit dan mengekalkan dana dalam sistem.

Ciri utama rangka kerja pengawalseliaan institusi kewangan Islam ialah ketelusan dan penzahiran kewangan. Penzahiran pengendalian pasaran dan pengurusan hubungan pelanggan merupakan teras prinsip ini. Antara faktor yang tidak kurang penting itu ialah menangani asimetri maklumat antara institusi perbankan Islam dengan pendeposit. Di bawah prinsip *Mudharabah*, institusi perbankan Islam perlu menzahirkan kepada pelabur bagaimana dana mereka diuruskan bagi memberikan kepastian bahawa wujudnya operasi perniagaan yang didasari oleh profil risiko dan mekanisme kawalan risiko. Di Malaysia, isu ini ditangani dengan rangka kerja kadar pulangan, yang menyediakan metodologi standard dalam menentukan kadar pulangan atas deposit. Rizab penyamaan untung sepertimana digariskan dalam rangka kerja kadar pulangan bagi institusi kewangan Islam berfungsi sebagai mekanisme untuk mengurangkan impak turun naik kadar pulangan. Rizab ini diperuntukkan daripada pendapatan kasar dan dikongsi bersama oleh pendeposit dan institusi perbankan. Dengan kewujudan persekitaran dwiperbankan, seperti yang ada di Malaysia, elemen penting dalam memastikan daya saing sistem perbankan Islam ialah keupayaan untuk memaksimumkan pulangan terlaras-risiko atas pelaburan dan mengekalkan pulangan yang stabil dan kompetitif. Dari perspektif pengawalseliaan, rangka kerja kadar pulangan menyediakan cara untuk menilai kecekapan institusi perbankan Islam, keuntungan, kecekapan pengurusan dan kesaksamaannya. Untuk terus melindungi pendeposit perbankan Islam, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia mewujudkan skim insurans deposit yang berasingan berlandaskan prinsip Islam.

Penzahiran nilai sebenar dan saksama operasi perbankan Islam dalam penyata kewangan juga penting kepada pendeposit supaya mereka dapat membuat penilaian yang sebenar dan saksama terhadap prestasi bank. Penzahiran kewangan yang diperkemas perlu diiringi dengan program pendidikan dan kesedaran pelanggan untuk meningkatkan tahap celik kewangan di kalangan pengguna dan perusahaan perniagaan. Untuk mencapai matlamat ini, program pendidikan pengguna dianjurkan, dengan memberikan maklumat antaranya, tentang ciri unik perbankan dan pembiayaan secara Islam, produk dan perkhidmatan kewangan Islam dan prinsip asas dan konsep Syariah. Kesedaran pengguna yang meningkat dijangka mengukuhkan lagi peranan disiplin pasaran dalam memacu institusi kewangan Islam ke arah pematuhan Syariah yang tegas, peningkatan keefisienan operasi, dan pengukuhan amalan dan infrastruktur pengurusan risiko.

Di Malaysia, bank-bank Islam dan bank konvensional dengan jendela perbankan Islam mengamalkan piawaian kehematan yang serupa sebagaimana yang ditetapkan atas bank konvensional, seperti nisbah modal wajaran risiko (RWCR) minimum, piawaian bagi tadbir urus korporat dan pengurusan risiko, penzahiran kewangan dan dasar kenali pelanggan. Prinsip pengurusan berhemat dan peningkatan keefisienan operasi diterapkan melalui keperluan kecukupan modal wajaran risiko minimum. Piawaian tadbir urus korporat dikuatkuasakan melalui garis panduan khusus pada kod perlakuan bagi pengarah, pegawai dan kakitangan institusi perbankan dan garis panduan bagi jawatan pengarah dan larangan pemberian pinjaman kepada pengarah, kakitangan dan syarikat mereka yang terpilih. Di samping itu, pematuhan yang tegas kepada rukun Syariah juga akan memastikan institusi kewangan Islam diuruskan berasaskan tahap kehematan, etika dan integriti yang tinggi.

Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel telah mempertingkatkan pengawalseliaan modal untuk meliputi risiko operasi dalam pengiraan kecukupan modal, di samping risiko kredit dan pasaran. Tanggungjawab merumuskan rangka kerja yang menangani risiko khusus berkaitan dengan perbankan Islam sedang dilaksanakan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB), yang bertindak sebagai badan penetapan piawaian antarabangsa bagi agensi pengawalseliaan. Mandat IFSB adalah untuk membangunkan piawaian kehematan, pengawalseliaan dan penzahiran bagi kewangan Islam, dan menggalakkan keseragaman dalam amalan terbaik tadbir urus institusi kewangan Islam di seluruh dunia. Dalam hubungan ini, IFSB telah mengeluarkan dua piawaian kehematan mengenai pengurusan risiko dan kecukupan modal bagi institusi yang menawarkan perkhidmatan kewangan Islam, yang dicadangkan untuk tujuan pelaksanaan pada tahun 2007. IFSB juga telah mencapai kemajuan dalam merumuskan tiga lagi piawaian mengenai tadbir urus korporat, ketelusan dan disiplin pasaran, dan proses kajian semula penyeliaan yang akan dikeluarkan tidak lama lagi.

Cabaran utama dalam mengurus risiko operasi perbankan Islam ialah memastikan pematuhan Syariah. Dalam proses penilaian, penyelia bank perlu memberikan perhatian yang wajar terhadap kecukupan pengawasan pengarah dan pengurusan kewangan, dasar, prosedur dan had, pengukuran risiko, sistem pemantauan dan pengurusan maklumat serta kawalan dalaman. Dalam hubungan ini, piawaian pengurusan risiko yang dikeluarkan oleh IFSB bertindak sebagai panduan kepada penyelia bank.

Meskipun kemajuan yang ketara dicapai setakat ini, masih ada lagi isu yang belum diselesaikan yang mendepani sistem kewangan Islam pada hari ini, terutamanya mengenai tafsiran injunksi Syariah yang berbeza. Di peringkat antarabangsa, masih wujud perdebatan di kalangan cendekiawan Syariah mengenai pematuhan prinsip Syariah. Di Malaysia, kita telah mengundang cendekiawan Syariah antarabangsa yang tersohor untuk mengambil bahagian dalam wacana ilmu mengenai hal ehwal Syariah berhubung dengan perbankan dan kewangan Islam. Langkah ini dijangka memupuk keharmonian dan interaksi yang lebih luas di kalangan cendekiawan Syariah di serata dunia. Selain itu, dana endowmen sebanyak RM200 juta telah ditubuhkan oleh Malaysia bagi memudahkan aktiviti penyelidikan Syariah dan membangunkan cendekiawan Syariah yang kompeten melalui biasiswa dan latihan.

Pembangunan sektor perbankan Islam yang memberangsangkan tidak dapat dicapai tanpa sokongan pembangunan modal insan yang sewajarnya. Pengukuhan keupayaan penyelidikan dan intelek dalam bidang kewangan dan Syariah penting untuk mendorong kejayaan sistem perbankan Islam. Industri perbankan Islam perlu dilengkapkan dengan inovator, pengurus risiko dan pengawal selia generasi baru yang memiliki gabungan ilmu yang mantap mengenai kewangan dan kefahaman tentang Syariah. Bagi tujuan ini, Malaysia menubuhkan Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) yang akan mula beroperasi pada bulan Mac 2006, bagi membangunkan bakat dalam kewangan Islam. INCEIF akan

menawarkan program pensijilan profesional dalam bidang kewangan Islam dan akan memupuk pakatan strategik dengan institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara untuk menawarkan program Sarjana dan Doktor Falsafah dalam kewangan Islam dalam bidang pengkhususan tertentu.

Sambil kita mengorak langkah ke hadapan, perubahan dalam landskap kewangan akan terus berlaku dengan pesat dan pasaran kewangan akan terus menjadi lebih rumit dan canggih. Institusi perbankan Islam harus berubah untuk menghadapi isu, cabaran dan peluang yang mendatang. Pendekatan pengawalseliaan dan metodologi yang akan digunakan perlu berubah supaya ia kekal efektif dan relevan. Di samping itu, dengan adanya produk dan perkhidmatan kewangan Islam mempunyai dimensi global dan peningkatan kesalingbergantungan pasaran kewangan, usaha yang dijalankan oleh setiap negara untuk memantapkan amalan pengurusan risiko perlu dipadankan dengan usaha untuk meningkatkan perlindungan di peringkat antarabangsa.

Prospek masa depan industri perbankan Islam bergantung pada usaha kumulatif bersama industri, pengawal selia, peserta pasaran dan komuniti antarabangsa. Usaha bersama ini perlulah diselaraskan untuk memaksimumkan potensi industri ini. Langkah pertama yang penting ialah menetapkan wawasan dan matlamat bersama yang akan dicapai. Yang lebih penting lagi ialah tindakan yang harus diambil untuk merealisasi matlamat tersebut. Langkah dan inisiatif yang kita ambil hari ini akan menyumbang ke arah pencapaian masa depan yang kita impikan.

Majlis Makan Malam Persatuan Alumni ICLIF
17 Februari 2006, Kuala Lumpur

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati kerana dapat berada di sini malam ini pada Majlis Makan Malam Sulung Persatuan Alumni ICLIF. Majlis ini menyediakan peluang terbaik untuk menggalakkan penglibatan dan rangkaian yang lebih meluas di kalangan kepimpinan industri. Ini penting terutamanya bagi rantau kita dengan sektor kewangan yang telah mengalami transformasi landskap kewangan yang ketara. Dalam persekitaran baru dan amat mencabar ini, akan wujud dimensi baru dan keperluan baru bagi pemimpin dan keupayaan untuk memimpin. Ia menuntut kemampuan untuk memenuhi permintaan baru bagi ekonomi baru, kemampuan untuk berjaya dalam persekitaran yang lebih kompetitif, kemampuan untuk meraih faedah daripada teknologi baru dan akhirnya kemampuan untuk beroperasi dalam persekitaran yang semakin tidak pasti.

Meskipun menghadapi cabaran yang meningkat ini, ekonomi dunia telah memasuki tahun 2006 dengan lebih kukuh. Penunjuk terkini memperlihatkan bahawa prospek ekonomi global kekal menggalakkan, dengan pertumbuhan yang mapan di semua ekonomi utama. Sementara Amerika Syarikat (AS) dan China dijangka terus mengalami pertumbuhan yang kukuh, pemulihan di Jepun dan Eropah dijangka menyediakan sokongan tambahan terhadap permintaan global. Ini menyediakan persekitaran luaran yang positif bagi Asia. Permintaan domestik di rantau Asia pula terbukti berdaya tahan dengan kebanyakan negara mengalami pengukuhan permintaan dalam negeri. Secara kumulatif, permintaan dalam negeri yang berkembang pesat merupakan pasaran penting bagi rantau ini. Ia turut meningkatkan tahap integrasi serantau.

Walaupun harga tenaga kekal tinggi, ini dijangka tidak menjejaskan momentum pertumbuhan global. Sehingga kini, kenaikan harga minyak disebabkan terutamanya oleh dorongan permintaan. Oleh itu, ia mudah diserap berbanding dengan kejutan kenaikan mendadak harga minyak yang pernah dialami pada masa lalu. Walau bagaimanapun, keadaan kekangan bekalan minyak global yang sedang berlaku tidak melenyapkan risiko harga minyak yang lebih tinggi. Trend inflasi yang telah muncul, menyebabkan pihak berkuasa monetari di beberapa negara menaikkan kadar faedah. Walaupun tahap kenaikan itu berbeza-beza antara negara, langkah ini terutamanya mencerminkan keperluan untuk menambat jangkaan dan mengehadkan kesan pusingan kedua kenaikan harga minyak. Dengan itu, keadaan monetari terus dapat menyokong pertumbuhan.

Memandangkan prospek ekonomi global dan serantau yang secara umumnya memberangsangkan, perhatian baru kini tertumpu pada ketidakseimbangan semasa yang wujud dalam ekonomi global. Ini merupakan isu yang saling berkait khususnya kerana ketidakseimbangan ini dijangka meluas lagi pada tahun 2006. Sememangnya disedari bahawa pengurangan ketidakseimbangan global ialah tanggungjawab bersama, merentas rantau utama di dunia. Beberapa sebab dinyatakan sebagai pengekang proses pelarasan. Antaranya termasuk permintaan dalam negeri yang kurang kukuh secara relatif, di luar AS; jurang yang luas antara tabungan dengan pelaburan di rantau utama di dunia; dan struktur pengantaraan modal global yang berpecah-pecah yang menghalang rantau

yang mempunyai lebihan daripada membiayai pelaburan produktif di dalam rantau mereka.

Mustahak untuk menyedari bahawa Asia boleh memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada penyeimbangan semula pertumbuhan global, dan seterusnya menyumbang ke arah pelarasan ketidakseimbangan global itu. Dari segi pertumbuhan ekonomi, rantau ini secara konsisten mencatat prestasi yang satu setengah kali lebih tinggi daripada purata global. Dari sudut demografi, Asia dihuni lebih separuh daripada penduduk dunia, dengan beberapa negara mempunyai tenaga kerja yang muda dan yang kian meningkat serta kelas pertengahan yang semakin mengembang. Oleh itu, penggunaan dalam negeri yang mantap dan pelaburan yang semakin meningkat menjadi sumber pertumbuhan yang penting manakala pertambahan pendapatan yang semakin besar dan peningkatan produktiviti serta pengembangan perdagangan antara rantau pula menyokong pertumbuhan. Perdagangan antara rantau yang semakin penting mencakupi lebih 50% daripada jumlah perdagangan Asia, lantas rantau ini menjadi rantau yang paling bersepadu dalam perdagangan selepas Kesatuan Eropah. Ini menjadikan Asia sebagai pasaran terbesar dan pesat berkembang di dunia. Di samping itu, rantau Asia juga telah memulakan pelbagai langkah merangsang keterbukaan ekonominya dengan menjalin perjanjian perdagangan bebas, yang akan menyumbang kepada peningkatan kapasiti dan potensi rantau ini, selain meningkatkan prospek untuk menyumbang ke arah penyeimbangan semula pertumbuhan global dan proses pelarasan global.

Rangkuman perjanjian perdagangan bebas itu dengan tahap keterbukaan ekonomi rantau ini – yang secara tradisinya tinggi dengan jumlah perdagangan berpurata 95% daripada KDNK di rantau ini, mencerminkan potensi Asia untuk menjadi rantau yang mempunyai kemapanan kendiri (self-sustaining) dan saling memperteguh pertumbuhan rantau ini. Tahap kefleksibelan ekonomi rantau ini yang lebih tinggi dalam tindak balasnya terhadap kejutan dan keadaan global yang dinamik merupakan ciri tambahan lain yang menyumbang ke arah memperkukuh potensi rantau ini.

Sementara sumbangan penggunaan swasta kepada permintaan dalam negeri menjadi semakin penting di rantau ini, pengembangan baru dalam pelaburan juga diperlukan untuk mewujudkan pertumbuhan yang lebih mapan. Beberapa inisiatif penting telah pun dimulakan untuk meningkatkan sumbangan pelaburan swasta dan memperoleh bidang pertumbuhan baru. Ini termasuk menambah baik iklim pelaburan dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan. Usaha dalam bidang keutamaan di rantau ini akan terus dijalankan memandangkan negara-negara di rantau ini berpotensi untuk terus memperluas peranan permintaan dalam negeri. Bagi beberapa negara di rantau ini, pendorong kepada pelaburan yang penting dijangka dihasilkan daripada pengembangan infrastruktur fizikal dan sosial dan juga daripada aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang dipindahkan semula ke Asia.

Dari segi kewangan, kadar tabungan dan kumpulan modal rantau ini yang tinggi untuk pelaburan produktif akan mampu menjadi pendorong kepada pembangunan pasaran kewangan rantau ini. Pengukuhan struktur pasaran serantau akan memudahkan tabungan lebihan digunakan untuk membiayai pelaburan dalam rantau ini. Kemajuan yang ketara telah pun dicapai di rantau Asia dalam usaha memperkukuh sektor kewangan, iaitu dalam sistem perbankan atau pasaran modal. Hasilnya, kapasiti rantau ini untuk menjadi pengantara dana bertambah, khasnya dalam rantau ini. Secara keseluruhan, sistem perbankan serantau telah meningkatkan kekuatan dan kemampuannya untuk mengurus risiko. Daya tahan yang baru ini didorong oleh inisiatif yang lebih dipacu pasaran, pembaikan dalam standard tadbir urus korporat serta pembangunan infrastruktur yang perlu untuk menggalakkan pasaran kewangan.

Dalam hal ini, hubungan kewangan serantau mendorong pembaharuan dalam pengantaraan modal dan untuk penyaluran semula bagi pelaburan produktif dalam rantau ini. Pelaksanaan Dana Bon Asia (ABF1 dan ABF2) menandakan pencapaian penting dalam laluan ke arah integrasi kewangan serantau memandangkan sebahagian daripada rizab asing dilaburkan dalam bon berdaulat Asia. Sementara itu, pengenalan Dana ABF2 sebagai kelas aset baru di Asia, bersama-sama dengan peningkatan infrastruktur kewangan, pembaharuan cukai dan pengawalseliaan, akan menyumbang ke arah memperluas dan memperdalam pasaran bon serantau dari semasa ke semasa. Pembinaan pasaran kewangan ke seluruh rantau adalah relevan memandangkan setiap pasaran serantau pada kebiasaannya bersaiz kecil. Dengan itu, hubung kait pasaran serantau akan meningkatkan daya penarik pelaburan Asia kepada pelabur global dan serantau.

Berikutan kesemua perkembangan luaran ini, prospek pertumbuhan Malaysia dijangka kukuh pada tahun 2006. Permintaan luaran yang menggalakkan akan memperteguh pengembangan permintaan dalam negeri yang mapan, yang dijangka kekal positif bagi penjanaan pendapatan benar dan peluang pekerjaan. Oleh itu, penggunaan swasta benar dijangka terus meningkat manakala pelaburan swasta benar diunjur berkembang, disokong oleh keperluan menambah kapasiti, terutamanya dalam sektor perkilangan dan minyak dan gas, di samping sektor perkhidmatan. Hasil daripada sokongan permintaan luar dan dalam negeri, ekonomi dijangka mencatat prestasi yang bertambah baik pada tahun 2006.

Tumpuan teras dasar Malaysia pada tahun 2006 adalah untuk memanfaatkan faedah yang diperoleh pada tahun 2005, memastikan asas diperkukuh dan kefleksibelan ekonomi terus dipertingkatkan. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia akan menentukan dasar kadar faedah bagi menyediakan persekitaran yang menggalakkan untuk prestasi ekonomi yang mapan. Dengan itu, dasar makroekonomi akan terus menekankan pertumbuhan dalam persekitaran harga harga yang stabil. Yang penting adalah untuk memperkukuh pertumbuhan yang diterajui sektor swasta. Oleh itu, usaha yang selanjutnya akan diambil untuk memastikan struktur dan sistem ekonomi dan kewangan adalah kondusif bagi pembangunan ekonomi yang dinamik, berdaya tahan dan fleksibel.

Kedinamikan pertumbuhan dan pembangunan di rantau ini sedang membentuk semula persekitaran kita. Ketua eksekutif dan pemimpin korporat yang efektif dalam persekitaran baru ini perlu meningkatkan keupayaan masing-masing dengan mengambil kira keperluan baru. Dalam programnya, ICLIF telah memberi tumpuan pada dimensi pembangunan kepimpinan baru ini terutamanya bagi sektor perkhidmatan kewangan.

Sebagai sebuah institusi pembangunan kepimpinan, ICLIF juga berkembang dari semasa ke semasa dengan mengkaji semula secara berterusan kandungan programnya supaya ia sepadan dengan keperluan persekitaran yang berubah dengan pesat. Kajian semula Program Pembangunan Kepimpinan Global (GLDP) kini dijalankan berdasarkan cadangan dan maklum balas yang bernas daripada peserta, fakulti, pemudah cara dan panel pakar. Pengubahsuaian struktur dan kandungan GLDP dijangka diperkenalkan dalam sesi-sesi berikutnya dan akan merangkumi, antara lain, bidang baru seperti trend geopolitik dan ekonomi, keusahawanan dan inovasi korporat, kepelbagaian dan perangkuman, budaya dan tanggungjawab sosial korporat. Bahagian program Musim Panas di AS juga akan diubah. Perubahan ini akan membawa peserta lebih dekat kepada fakulti yang ternama daripada institusi-institusi terulung seperti Stanford, UC Berkeley dan UCLA.

Izinkan saya sekarang membuat rumusan ucapan saya ini. Kepimpinan sememangnya berkaitan dengan visi untuk masa depan, menetapkan hala tuju strategik organisasi dan berkeupayaan menterjemah visi itu kepada

hasil yang nyata. Ini melibatkan keupayaan memajukan visi yang dikongsi bersama dan merangsang organisasi itu supaya menjana hasil yang dikehendaki.

Saya ingin akhiri ucapan ini dengan mengulangi apa yang telah saya sebutkan kepada salah satu kumpulan peserta program GLDP iaitu "Usaha mencapai kecemerlangan dalam kepimpinan ialah suatu perjalanan dan bukannya suatu destinasi". Apabila kita membicarakan tentang meningkatkan keupayaan kepimpinan, kita sebenarnya membincangkan tentang pemimpin yang sedia belajar secara berterusan, pemimpin yang terus berusaha untuk mencapai kecemerlangan yang tertinggi, pemimpin yang mempunyai keyakinan dan kepercayaan yang kukuh tetapi bersikap merendah diri dan menyedari tentang perlunya untuk terus memajukan diri dan dengan berbuat demikian, mereka menjadi pemimpin dinamik yang terus memperluas sempadan kecemerlangan serta berani mengharungi cabaran-cabaran baru.

Pelancaran Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) 23 Mac 2006, Kuala Lumpur

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati dan bangga kerana dapat meraikan kedatangan anda semua ke majlis makan tengah hari ini bersempena Mesyuarat Suruhanjaya Wawasan 1440 Hijrah Bank Pembangunan Islam (IDB) dan Pelancaran Dokumen Wawasan yang telah berlangsung pagi tadi bagi mentransformasikan Bank Pembangunan Islam untuk menjadi pemangkin utama kepada kemakmuran dan pembangunan bersama yang lebih baik di kalangan ummah. Kita merasa amat bertuah hari ini dengan kehadiran Yang Amat Berhormat Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada IDB atas kejayaannya melancarkan Wawasan 1440 Hijrah IDB. Dokumen Wawasan ini akan menjadi rangka tindakan penting untuk mentransformasikan IDB untuk menjadi sebuah Bank Pembangunan yang dinamik, yang akan menyumbang kepada "pembangunan insan yang komprehensif" dan seterusnya mencapai kemakmuran ummah. Kita juga bertuah pada hari ini dengan kehadiran Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin Mohamed, Pengerusi Suruhanjaya, dan Tuan Yang Terutama Dr. Ahmad Mohamed Ali, Presiden Kumpulan Bank Pembangunan Islam.

Dengan izin Allah s.w.t., kita juga ingin mengambil peluang pada majlis yang bertuah hari ini, untuk meletakkan asas kepada satu lagi inisiatif, iaitu pelancaran Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa atau INCEIF.

Industri perkhidmatan perbankan dan kewangan Islam mengalami pertumbuhan yang ketara dalam dekad ini. Pertumbuhan ini dijangka mempercepat lagi pengembangan di peringkat global memandangkan permintaan terhadap produk dan perkhidmatan yang mematuhi Syariah akan bertambah pesat.

Untuk mengekalkan dan menyokong pertumbuhan industri ini pada masa hadapan, satu prasyarat penting ialah pembangunan bakat dan kepakaran yang diperlukan untuk memacu inovasi dan meningkatkan prestasi industri ke tahap yang lebih tinggi.

Penubuhan Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa merupakan satu pelaburan dalam modal insan untuk menyokong pembangunan global dalam industri perkhidmatan kewangan Islam. Modal intelek insan berperanan sebagai paksi yang menerajui prestasi dan daya saing pasaran bagi industri ini, malah ia akan menjadi faktor penentu apabila kita melangkah ke hadapan. Inovasi yang pesat dalam perkhidmatan kewangan global secara amnya dan dalam sektor perkhidmatan kewangan Islam khususnya, akan menuntut kepakaran dan kemahiran baru. Sudah pasti permintaan terhadap tenaga profesional yang cukup berkelayakan akan meningkat. Dalam persekitaran ini, pembentukan sekumpulan bakat dan kepakaran yang besar sememangnya penting bagi pertumbuhan kewangan Islam pada masa hadapan. Usaha memperkukuh keupayaan penyelidikan dan pembangunan juga penting dalam peningkatan kapasiti untuk inovasi bagi memenuhi keperluan yang pelbagai dalam ekonomi global yang pesat berubah.

Oleh itu, penubuhan Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa atau INCEIF terhasil daripada kesedaran akan keperluan ini untuk melabur dalam modal insan untuk memajukan industri ke tahap yang lebih tinggi. Bank Negara Malaysia telah memperuntukkan dana endowmen sebanyak RM500 juta bagi tujuan ini. Pendapatan daripada dana endowmen ini akan digunakan untuk membiayai

operasi INCEIF. Matlamat INCEIF adalah untuk melahirkan pengamal dan profesional kewangan Islam yang berkaliber tinggi serta pakar dan penyelidik dalam pelbagai bidang kewangan Islam. INCEIF akan memanfaatkan pengalaman yang luas dalam industri kewangan Islam di Malaysia dan di luar negara untuk memberikan graduannya wawasan dan perspektif tambah nilai, khususnya dalam program penyelidikan mereka. Pengalaman lebih dua dekad Malaysia dalam kewangan Islam akan juga menyediakan persekitaran latihan, termasuk program pelatih untuk melahirkan tenaga profesional kewangan Islam.

Set kemahiran yang diperlukan dalam kewangan Islam adalah unik. Ia memerlukan paduan yang sesuai dalam ilmu kewangan dengan pemahaman mengenai Syariah sebagai tunjangnya. Prinsip Syariah perlu diserapkan dalam setiap aspek operasi institusi kewangan Islam, termasuk pembentukan struktur produk kewangan dan pembiayaan, kontrak kewangan serta pelaksanaannya, pengurusan mudah tunai dan kunci kira-kira, pengurusan risiko serta pengurusan aset dan kekayaan. Kepatuhan terhadap prinsip Syariah mesti diterapkan daripada peringkat paling tinggi, termasuk pada peringkat lembaga pengarah dan pengurusan kanan. Dasar dan amalan yang baik yang berdasarkan prinsip Syariah akan mengembangkan sistem kewangan Islam untuk menjadi sistem kewangan yang mempunyai etika yang terserlah dan yang menggalakkan keadilan ekonomi.

Bagi mencapai matlamat untuk menyediakan rumusan kepada pengurusan bakat yang menyeluruh bagi industri perkhidmatan kewangan Islam, INCEIF akan menawarkan pentauliahan kewangan Islam yang pertama di dunia, iaitu melalui program Kewangan Islam Profesional Bertauliah (CIFP). Modul CIFP yang akan ditawarkan, digarap oleh pakar yang tersohor dalam bidang masing-masing dan dibangunkan hasil daripada perundingan menyeluruh dengan peserta industri tempatan dan luar negara demi memastikan ia relevan dengan keperluan industri. Berikutan pelancaran INCEIF pada hari ini, program ini akan dibuka untuk pendaftaran. Kelas bagi pengambilan pertama akan bermula pada bulan Jun 2006. INCEIF juga menawarkan program lepasan ijazah dalam kewangan Islam termasuk program Sarjana dan Doktor Falsafah yang khusus, dalam pelbagai bidang kewangan Islam.

INCEIF akan ditadbir oleh Majlis Tadbir Urus INCEIF dan Panel Pembangunan Profesional. Majlis Tadbir Urus INCEIF, yang terdiri daripada profesor tersohor daripada kalangan akademik dan pengamal industri dari dalam dan luar negara, akan menetapkan hala tuju strategik dan memberikan kefahaman global yang berwawasan mengenai keperluan pembelajaran industri perkhidmatan kewangan Islam. Panel Pembangunan Profesional dengan ahli akademik yang berpengalaman luas, akan menjadi pihak penentu dalam hal-hal akademik serta bertanggungjawab menetapkan dasar akademik INCEIF serta jaminan kualiti CIFP dan modul program lepasan ijazah. Fakulti akademik akan dianggotai pensyarah tetap serta profesor pelawat yang tetap dan cendekiawan bermastautin.

INCEIF juga akan membentuk pakatan strategik dengan institusi pengajian tempatan dan luar negara yang terkemuka untuk melengkapkan matlamat kami untuk memberikan ilmu pengetahuan bertaraf dunia demi kebaikan industri khususnya, dan ummah amnya. Wawasan kami agar suatu hari nanti INCEIF akan menjadi nukleus antarabangsa bagi pendidikan tinggi dalam kewangan, latihan dan penyelidikan Islam, dan menyediakan sokongan padu dalam pembangunan infrastruktur kewangan Islam.

Dengan izin Allah s.w.t., dan dengan sokongan masyarakat kewangan Islam antarabangsa, kami berharap INCEIF akan dapat memberi sumbangan bermakna kepada pembangunan masa depan kewangan Islam demi kebaikan ummah.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan penghargaan yang tinggi kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia kerana sudi menghadiri majlis ini dan seterusnya merasmikan pelancaran INCEIF.

KALENDAR PERISTIWA
Januari – Mac 2006

16 Januari 2006

Untuk menggalakkan lebih banyak Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menyertai pasaran eksport, Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa semua bank yang terlibat akan menawarkan dua produk pembiayaan perdagangan yang baru untuk PKS di bawah pembiayaan konvensional dan secara Islam. Pembiayaan Perdagangan Pelbagai Mata Wang menyediakan pembiayaan kepada pengeksport langsung Malaysia dalam ringgit dan mata wang asing utama dalam bentuk pembiayaan sebelum dan selepas penghantaran. Skim Pembiayaan Pengeksport Tidak Langsung menyediakan pembiayaan ringgit kepada pengeksport tidak langsung tanpa rekursa, dengan bank yang terlibat akan mendiskaun invois dagangan ekoran pembekalan barangan dan perkhidmatan kepada pengeksport langsung. Di bawah pengaturan ini, risiko kredit akan dikongsi antara bank yang terlibat dengan Export-Import Bank of Malaysia Berhad.

17 Januari 2006

Kenyataan bersama Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia melaporkan bahawa pelaksanaan rangka kerja bank pelaburan yang diumumkan pada tahun 2005 sedang berjalan seperti yang dijadualkan. Adalah dijangkakan bahawa 17 buah bank pelaburan akan wujud daripada pelaksanaan rangka kerja ini, dan kelak tiada lagi syarikat diskaun dan bank saudagar dalam landskap kewangan Malaysia.

20 Januari 2006

Jawatankuasa Dasar Monetari membuat keputusan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3%.

20 Januari 2006

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa berkuat kuasa serta-merta, had bagi pelaburan dalam kemudahan kredit oleh penanggung insurans hayat bagi tujuan memenuhi keperluan margin kesolvenan (MOS) minimum dinaikkan daripada 50% kepada 70% daripada MOS. Liberalisasi ini akan membolehkan penanggung insurans hayat mencapai pemadanan aset liabiliti yang lebih baik serta memberi mereka lebih kefleksibelan untuk melabur dalam bon jangka panjang yang berkualiti tinggi, dan dengan itu menyumbang ke arah pembangunan pasaran modal domestik.

21 Januari 2006

Gabenor Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz dianugerahi Doktor Kehormat Undang-Undang (LL.D.) oleh University of Nottingham pada istiadat penyampaian ijazah yang kelima di kampus Malaysia universiti itu. Dalam ucapan penerimaan beliau, Gabenor membicarakan kepentingan melabur dalam modal insan untuk memperkukuh keupayaan intelek negara kerana pengumpulan dan penggunaan ilmu pengetahuan merupakan teras bagi kelebihan daya saing sesebuah negara dalam ekonomi global semasa.

24 Januari 2006

Pada Sidang Kemuncak Kewangan Islam Tahunan kelima di London, Gabenor berucap mengenai empat cabaran utama yang perlu ditangani untuk mengekalkan pembangunan kewangan Islam dalam sistem kewangan global, iaitu:

- pembangunan sistem kewangan Islam yang teguh di peringkat nasional;
- pembangunan pasaran kewangan Islam antarabangsa yang efisien dan aktif;
- penerapan standard IFSB; dan
- pembangunan kumpulan bakat dalam kewangan Islam yang mencukupi.

30 Januari 2006

Bank Negara Malaysia mengeluarkan empat lesen takaful baru kepada konsortium dan usaha sama yang berikut:

- HSBC Insurance (Asia-Pacific) Holdings Limited, Jerneh Asia Berhad dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja;
- Hong Leong Bank, Millea Asia (Japan) Pte. Ltd., dan Hong Leong Assurance;
- Bank Simpanan Nasional dan Prudential Holdings Limited; dan
- MAA Holdings Berhad dan Solidarity Co., Bahrain.

Selaras dengan dasar pemegangan saham semasa, pengendali takaful yang baru itu dibenarkan mempunyai kepentingan ekuiti asing sehingga 49%. Dengan empat pemegang lesen baru itu, bilangan pengendali takaful dalam negara bertambah kepada sembilan.

7 Februari 2006

Gabenor menyampaikan ucap utama di Persidangan Perbankan Islam Antarabangsa Kedua anjuran Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam bertajuk “Pengurusan Risiko, Pengawalan dan Penyeliaan” di Kuala Lumpur. Dalam ucap utamanya, Gabenor memperkatakan tentang cabaran pengurusan risiko dalam institusi kewangan Islam, serta pentingnya pengawalseliaan yang efektif sebagai sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan sistem kewangan Islam yang teguh dan mantap.

9 Februari 2006

Bank Negara Malaysia mengumumkan pengenalan instrumen monetari Islam yang baru, iaitu Sukuk Ijarah Bank Negara Malaysia untuk menambah kepada kepelbagaian instrumen monetari yang digunakan oleh Bank Negara Malaysia dalam mengurus mudah tunai dalam Pasaran Wang Islam. Satu badan khas, iaitu BNM Sukuk Berhad diwujudkan untuk menerbitkan instrumen itu. Berdasarkan terbitannya secara tetap, Sukuk Ijarah dijangka menjadi penanda aras bagi bon Islam jangka pendek hingga jangka sederhana yang lain. Terbitan sulung itu dibuat pada 16 Februari 2006 dengan saiz terbitan sebanyak RM400 juta.

10 Februari 2006

Bank Negara Malaysia mengumumkan pelancaran Portal SMEinfo, www.smeinfo.com.my, iaitu gerbang maklumat dalam talian sehenti untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Portal SMEinfo ini, satu inisiatif Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan, menawarkan maklumat yang komprehensif mengenai semua aspek pembangunan PKS. Portal ini juga mengandungi Direktori PKS percuma untuk menggalakkan peluang perniagaan dan rangkaian perhubungan di kalangan PKS dalam semua sektor ekonomi.

14 Februari 2006

Sempena memperingati "Songket – Seni Warisan Agong" yang diilhamkan daripada usaha promosi yang dipelopori oleh Allahyarhamah Datin Paduka Seri Endon Mahmood, tiga jenis duit syiling peringatan – emas, perak dan dwilogam – telah dikeluarkan. Majlis pelancaran duit syiling peringatan itu telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi.

17 Februari 2006

Pada Majlis Makan Malam Tahunan Sulung Persatuan Alumni ICLIF di Kuala Lumpur, Gabenor menyatakan bahawa persekitaran baru ekonomi yang amat mencabar memerlukan pemimpin yang mampu untuk memenuhi permintaan-permintaan baru ekonomi baru, mampu berjaya dalam persekitaran yang lebih kompetitif, berupaya untuk memperoleh manfaat daripada teknologi baru dan akhirnya mampu beroperasi dalam persekitaran yang semakin tidak pasti.

22 Februari 2006

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia berkembang pada kadar tahunan sebanyak 5.2% pada suku keempat tahun 2005. Sektor perkilangan dan perkhidmatan merupakan pemacu utama pertumbuhan. Peningkatan eksport yang lebih kukuh menambah sokongan kepada aktiviti sektor swasta dalam negeri. Sentimen pengguna yang lebih tinggi dan keyakinan perniagaan yang mapan menyokong pertumbuhan yang kukuh. Bagi tahun 2005 secara keseluruhan, gandingan permintaan dalam negeri dan eksport yang kukuh menghasilkan pertumbuhan keseluruhan keluaran dalam negeri kasar benar sebanyak 5.3%.

Jawatankuasa Dasar Monetari membuat keputusan untuk menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.25% dengan tujuan untuk menjajarkan keadaan monetari kepada persekitaran semasa. Teras dasar monetari terus menyokong aktiviti ekonomi.

23 Februari 2006

Timbalan Gabenor, Datuk Zamani Abdul Ghani menyampaikan ucap utama di Seminar Pengawalseliaan Takaful Ke-2 yang bertemakan "Pembangunan Sektor Takaful yang Progresif dalam Keseluruhan Sistem Kewangan Islam" di Langkawi. Timbalan Gabenor berkongsi pengalaman serta pendekatan yang dilaksanakan oleh Malaysia untuk membangunkan sistem kewangan Islam yang komprehensif dan efektif.

10 Mac 2006

Menteri Kewangan mengumumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong telah memperkenankan pelanjutan pemegangan jawatan oleh Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz sebagai Gabenor Bank Negara Malaysia untuk lima tahun lagi bermula 1 Mei 2006.

22 Mac 2006

Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2005 dikeluarkan. Ekonomi Malaysia dijangka berkembang pada kadar yang lebih pantas, dengan KDNK benar meningkat sebanyak 6%, disokong oleh eksport yang bertambah kukuh dan permintaan dalam negeri yang berdaya tahan.

23 Mac 2006

Pusat Pendidikan dalam Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia. Dalam kata alu-aluannya, Gabenor menyatakan bahawa penubuhan INCEIF merupakan pelaburan dalam modal insan untuk menyokong pembangunan global industri perkhidmatan kewangan Islam. INCEIF akan menawarkan program pensijilan dalam kewangan Islam yang pertama di dunia, iaitu Kewangan Islam Profesional Bertauliah (CIFP), serta program lepasan ijazah yang meliputi ijazah Sarjana dan Kedoktoran khusus dalam pelbagai bidang kewangan Islam.